

"WAHAI orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya dan berjuanglah pada jalan-Nya supaya kamu beroleh kemenangan".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah al-Maa'idah, ayat 35.

BERKENAN BERANGKAT MENGHADIRI UPACARA MENGANGKAT SUMPAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang
Haji Damit, Muhammad Asri Awang
Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam yang baharu, petang tadi.

Berangkat sama ke upacara tersebut yang diadakan di Istana Nurul Iman itu ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Majlis dimulakan dengan pembacaan Surat Perintah Lantikan oleh Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam yang baharu yang diadakan di Istana Nurul Iman.

>> Muka 3



Berita Utama



USAHA memperkenalkan budaya, warisan masyarakat kepada generasi muda

Muka 7



KAPAL Persiaran Piano Land kembali singgah di NBD

Muka 8



54 peserta terima sijil Program Literasi Penerangan

Muka 9



HARI Laut Sedunia : Bersama menjaga kesejahteraan laut negara

Muka 21

Memastikan makanan selamat untuk semua

Siaran Akhbar :
Brunei Darussalam
Food Authority

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Jun. - Pada Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2026 ini, kita menyertai komuniti global memperbaharui komitmen untuk memastikan makanan sentiasa selamat untuk semua, di mana jua.

Setiap tahun, berjuta-juta individu mengalami masalah kesihatan akibat pengambilan makanan yang tercemar yang disebabkan oleh bahan pencemar atau mikroorganisma patogen yang dibawa oleh makanan, iaitu penyakit-penyakit yang sebahagian besarnya boleh dicegah.

Namun, ia masih menyebabkan kehilangan nyawa, menjejaskan kelangsungan perniagaan serta menghalang pertumbuhan ekonomi. Ini adalah cabaran yang kita patut tangani bersama.

>> Muka 6

Tazkirah 'Apa Selepas Haji' serikan Program Malam Munajat

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Jun. - Sesudah haji, yang paling penting bukan perubahan gelaran atau penampilan tetapi perubahan hati yang semakin dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan semakin rindu kepada akhirat.

Begitu juga Al-Imam Al-Nawawi Rahimahullah menjelaskan bahawa pendapat yang paling kuat dan masyhur mengenai haji mabrur ialah haji yang tidak dicampuri oleh dosa dan maksiat.

Perkataan mabrur itu sendiri berasal daripada *al-birr* yang bermaksud ketaatan. Maksudnya, jika sebelum ini seseorang terbiasa melakukan dosa, maka selepas hajinya dia meninggalkan dosa tersebut.

Jika ada dosa-dosa kecil yang pernah dilakukan, dia segera bertaubat dan kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Jadi ukuran haji mabrur bukan sekadar bagaimana kita pergi ke Tanah Suci tetapi bagaimana kita kembali daripadanya.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Apa Selepas Haji' yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud bagi menyerikan Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-232 baru-baru ini.

>> Muka 5

Penanaman pokok, pembersihan pantai sempena Hari Alam Sekitar

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 6 Jun. - Hari Alam Sekitar Sedunia diraikan setiap 5 Jun setiap tahun oleh masyarakat global termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) di mana sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam memelihara alam sekitar.

Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan menganjurkan Acara Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Coastal Marvel bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar 2026 di Taman Rekreasi Pantai Seri Kenangan, awal pagi tadi.

>> Muka 4

Langkah strategik perkukuh pentadbiran dan agenda pertumbuhan ekonomi negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillahir Rahmanir Rahim
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
 Wabihiee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat keamanan, kedamaian dan kestabilan yang dikecapi oleh Negara Brunei Darussalam selama ini. Kita kini berada pada fasa pelaksanaan *blueprint* yang telah ditetapkan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, satu mercu tanda penting bagi negara dalam tempoh kurang daripada satu dekad.

Kejayaan ini bergantung kepada kebijaksanaan dan ketegasan kepimpinan baharu serta kesepaduan dan tanggungjawab bersama di kalangan ahli-ahli Menteri Kabinet.

Dalam rombakan kabinet ini, beta telah memperkenalkan beberapa perubahan utama iaitu, pelantikan paduka anakanda-anakanda beta setelah mengambil kira kecenderungan dan pendedahan awal dalam sistem pentadbiran kerajaan, pelantikan tiga Menteri Penyelaras (Coordinating Minister), Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara yang bertanggungjawab dalam menyelaras dan memperkukuhkan usaha-usaha semua kementerian dalam sama-sama melindungi

keselamatan negara, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi yang bertanggungjawab dalam menyelaras usaha kepelbagaian ekonomi bersama kementerian-kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui sektor-sektor keutamaan dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia yang bertanggungjawab dalam menyelaras kementerian-kementerian dalam aspek dasar sosial negara, pembangunan modal insan, isu pekerjaan dan kesejahteraan masyarakat.

Penyusunan semula portfolio Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan diubah namanya menjadi Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri. Penyusunan semula ini adalah untuk mempercepatkan pembangunan sektor keutamaan dan juga untuk memperkukuh usaha kepelbagaian, demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta pencapaian peluang pekerjaan yang bermakna.

Mengekalkan beberapa orang Menteri untuk meneruskan tugas dan peranan mereka yang sedia ada demi menjamin kesinambungan dan kestabilan. Kenaikan pangkat beberapa Timbalan Menteri kepada Menteri penuh untuk mengukuhkan sektor-sektor keutamaan dan menjamin keselamatan negara. Melantik tiga Timbalan Menteri yang baharu dengan harapan mereka akan dapat membawa perspektif dan idea baharu.

Dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, beta dengan ini mengisytiharkan barisan Menteri-menteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas sempena Rombakan dan Pelantikan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang Baharu 2026 pada Khamis, 4 Jun 2026.

Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu.

Beta sendiri akan memegang portfolio sebagai Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan. Paduka anakanda beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan berperanan sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	ISNIN	21	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.47
9	SELASA	22	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.31	7.47
10	RABU	23	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.32	7.47
11	KHAMIS	24	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
12	JUMAAT	25	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
13	SABTU	26	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	AHAD	27	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 33 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar 33 26 °C	34 26 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong 33 26 °C	34 26 °C	32 26 °C	
Kuala Belait 33 26 °C	34 26 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG		8 JUN 2026
<h2>Motivasikan diri untuk terus berusaha</h2> <p>USAHA merupakan kunci utama kejayaan dalam kehidupan dan tanpa usaha yang bersungguh-sungguh, seseorang itu sukar untuk mencapai matlamat yang diimpikan. Tidak kira dalam bidang pendidikan, pekerjaan, sukan mahupun kehidupan seharian, usaha memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu.</p> <p>Setiap individu mempunyai impian dan cita-cita yang ingin dicapai, namun kejayaan tidak akan datang dengan sendirinya tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Oleh itu, usaha perlu dijadikan amalan dalam kehidupan seharian agar matlamat yang diinginkan dapat direalisasikan.</p> <p>Selain membantu mencapai kejayaan, usaha juga dapat membentuk sikap positif dalam diri seseorang. Individu yang sentiasa berusaha akan menjadi lebih berdisiplin, tabah dan tidak mudah berputus asa apabila berhadapan dengan cabaran. Seseorang yang rajin berusaha akan memahami bahawa setiap kegagalan merupakan peluang untuk belajar dan memperbaiki diri. Sikap ini penting bagi melahirkan masyarakat yang berdaya tahan dan mampu bersaing dalam pelbagai bidang.</p> <p>Dengan berfikir positif, ia akan membantu individu tersebut melihat kegagalan sebagai satu pengalaman yang berharga dan ia akan meningkatkan keyakinan diri untuk bangkit semula dan meneruskan usaha.</p> <p>Usaha yang berterusan juga memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Apabila masyarakat secara menyeluruh rajin berusaha dalam bidang masing-masing, pembangunan negara akan berkembang dengan lebih pesat. Masyarakat yang gigih bekerja dan sentiasa berusaha mampu melahirkan negara yang maju, berdaya saing dan dihormati di peringkat antarabangsa.</p> <p>Walau bagaimanapun, usaha perlu disertai dengan perancangan yang baik dan sikap konsisten. Seseorang tidak boleh mengharapkan kejayaan jika hanya berusaha secara sambil lewa atau mudah berputus asa apabila menghadapi kesukaran. Sebaliknya, mereka perlu terus berusaha dengan penuh keyakinan dan kesabaran kerana kejayaan selalunya memerlukan masa dan pengorbanan.</p> <p>Oleh itu, marilah kita tanamkan dalam diri kita untuk terus berusaha dan tingkatkan motivasi diri bukan sahaja untuk memajukan diri sendiri tetapi bersama membangunkan negara secara amnya agar kita menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan kemakmuran akan terus dirasai oleh semua lapisan masyarakat.</p> <p>- Ketua Penyuntingan (Kr)</p>		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan berangkat menghadiri Upacara Mengangkat Sumpah



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Upacara Mengangkat Sumpah bagi Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam yang baharu. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Upacara tersebut diteruskan dengan Upacara Mengangkat Sumpah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam, The Honourable Sir Nicholas Blake.

Turut hadir pada upacara tersebut ialah Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dan Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji

Mohammed Taib serta Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon.

Juga hadir, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli serta Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Haji Ibrahim.

Upacara tersebut juga dihadiri oleh Pemangku



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar bersama Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam, The Honourable Sir Nicholas Blake.

Setiausaha Tetap JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Awang Zulhusam bin Haji Abdul

Samad dan Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Yang Arif Dayang Hajah

Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah.



UPACARA Mengangkat Sumpah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan Negara Brunei Darussalam, The Honourable Sir Nicholas Blake.

PENERBANGAN TERAKHIR JEMAAH HAJI NEGARA SELAMAT TIBA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



TURUT hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (atas). Sementara gambar bawah, ahli keluarga para jemaah haji menyambut mesra kepulangan yang dinantikan.



BERAKAS, Sabtu, 6 Jun. - Sejumlah 246 jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan keempat dan terakhir yang menaiki pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RB) BI4208 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 5.53 petang, hari ini.

Jumlah keseluruhan jemaah haji berkenaan adalah termasuk empat orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan), 213 orang (termasuk enam pegawai syarikat) dari Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), 27 orang (termasuk seorang pegawai syarikat) dari Syarikat Balurih Travel Sdn. Bhd. dan dua orang Pegawai Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA).

Hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Mohd. Yusof serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji

Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Mislé bin Haji Abdul Karim dan isteri; ahli-ahli jemaah penasihat haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Yang Dimuliakan Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

Penanaman pokok, pembersihan pantai sempena Hari Alam Sekitar

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diikuti dengan taklimat keselamatan. Kemudiannya acara diteruskan dengan sesi pemanasan badan sebelum memulakan Aktiviti Penanaman Pokok dan Kempen Kebersihan Coastal Marvel di sepanjang persisiran pantai

berkenaan.

Sebanyak 36 batang pokok Casuarina Equisetifolia telah ditanam. Sementara itu, sejumlah 95.9kg sisa sampah telah berjaya dikutip oleh lebih daripada 100 peserta, di mana sebanyak 63.9kg daripadanya adalah sisa plastik.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung

YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Coastal Marvel bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar 2026 (kiri dan kanan).

Sengkarai; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub; serta Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan, divisyen, unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya; Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Perhutanan, Pejabat Perubahan Iklim NBD, penghulu, ketua-ketua kampung serta penduduk-penduduk Mukim Pekan Tutong.

Tema Sambutan Hari Alam Sekitar pada tahun ini adalah 'Tindakan Iklim' (Climate Action) sebagai tanda peringatan bahawa setiap individu dan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam melindungi masa depan alam sekitar kita.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

TAZKIRAH 'APA SELEPAS HAJI' SERIKAN PROGRAM MALAM MUNAJAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT), para belia dan jemaah Masjid Kampung Belimbing, Subok serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Program Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Atur cara Program Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing, Subok dan Penasihat AJKT Masjid Kampung Belimbing, Subok.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin

oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belimbing, Subok, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Pengiran Mohd. Akbar bin Pengiran Haji Mohd. Sabri yang seterusnya juga membacakan Doa Munajat.


Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafriyyah dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Belimbing, Subok, Awang Abdul Mubin Khairullah bin Haji Mafshah. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Bilal Tingkat II, Masjid Kampung Belimbing, Subok, JHEM, KHEU, Awang Jamalulhair bin Mohin.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini bersama Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah Masjid Kampung Belimbing, Subok serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara.


berjangkit. Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheu>



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN


Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1




WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

2



3



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Paduka anakanda beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan akan mengekalkan peranannya sebagai Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan beta.

Paduka anakanda beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di samping meneruskan kerjayanya dalam bidang ketenteraan. Duli Yang Teramat Mulia juga akan memainkan peranan aktif dalam Majlis Tertinggi Wawasan 2035 khususnya memacu pertumbuhan ekonomi dan perdagangan negara melalui hubungan diplomatik, kerjasama strategik dan pelaburan antarabangsa.

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff sebagai Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan II.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin sebagai Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan dilantik menjadi Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin

bin Haji Abdul Rahman, sebagai Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Hulan dan Hiliran).

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Menteri Kewangan II dan bertanggungjawab untuk menerajui portfolio pelaburan di dalam dan luar negara dan mengawasi prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan.

Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusoff sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar sebagai Menteri Kesihatan.

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid sebagai Menteri Pembangunan.

Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh sebagai Menteri Pendidikan.

Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos sebagai Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Pengiran Dato Seri Setia Shambahry bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab sebagai Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak sebagai Timbalan Menteri Pembangunan.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Pelantikan ini akan berkuat kuasa pada hari Khamis, 17 Zulhijah 1447 Hijrah

bersamaan dengan 4 Jun 2026 Masihi bagi tempoh selama empat tahun.

Beta menyeru agar barisan Menteri Kabinet yang baharu ini berkhidmat sebagai satu pasukan, berikrar untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat beta, mendengar kebimbangan mereka, memberi tindak balas yang cepat dengan penuh komitmen, berintegriti untuk membawa negara ke hadapan demi mencapai matlamat Wawasan 2035.

Dalam kesempatan ini, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan ahli-ahli kabinet di atas khidmat dan jasa bakti yang telah disumbangkan selama ini. Beta mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas jasa dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda serta kebahagiaan yang berterusan.

Akhirnya, beta menyeru semua rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa memberikan sokongan kepada barisan Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri dalam sama-sama mencapai matlamat negara.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MEMASTIKAN MAKANAN SELAMAT UNTUK SEMUA

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Food Authority

>> Muka 1

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) dalam perutusan bersempena dengan Hari Keselamatan Makanan Sedunia.

Jelas Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan lagi, tema tahun ini, iaitu 'Daripada Beban kepada Penyelesaian - Makanan Selamat di Mana-Mana' (From Burden to Solutions - Safe Food Everywhere), mengingatkan kita bahawa penyelesaian boleh dicapai melalui tindakan bersepadu, inovasi dan teknologi saintifik, serta sistem kawal selia makanan yang kukuh.

"Setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk melindungi kesihatan awam dan menyumbang

kepada kestabilan ekonomi, perdagangan, pelancongan dan kesejahteraan masyarakat. Selain mengenal pasti masalah, tema ini juga menyeru kita untuk bertindak.

"Ia menggalakkan kita untuk memberi tumpuan kepada penyelesaian praktikal dan mampan bagi memastikan makanan selamat untuk semua orang, di mana jua," kata Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan.

Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan turut mengongsikan laporan terkini Anggaran Penyakit Bawaan Makanan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia baru-baru ini, data dan bukti yang tersedia bukan sekadar sebagai bahan rujukan sahaja, bahkan ia perlu ditransformasikan dan diterjemahkan kepada tindakan yang lebih bermakna.

Dengan mengamalkan pendekatan berasaskan sains kata Yang Mulia Timbalan Menteri

Kewangan lagi, kita boleh memperkukuh sistem keselamatan makanan negara, mencegah risiko lebih awal, dan melindungi kesihatan awam dengan lebih baik. Seiring dengan kemajuan teknologi, peningkatan perjalanan global serta perkembangan pesat perdagangan antarabangsa, sistem makanan kita kini menjadi lebih saling terhubung dan semakin kompleks berbanding sebelum ini.

Keadaan ini, tambah Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan, menuntut agar keselamatan makanan terus dijadikan keutamaan pada setiap peringkat, bermula daripada penanaman, pengeluaran dan pengimportan makanan kepada penyediaan dan pengambilan makanan.

Hal ini, kata Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan lagi, merupakan tanggungjawab bersama yang merangkumi seluruh rantaian makanan, termasuk para petani, pengeluar makanan, pengimport, pengedar, pengendali makanan, hinggalah kepada pengguna di rumah, di

mana amalan mudah seperti menjaga kebersihan tangan dengan betul, penyediaan makanan secara selamat, penyimpanan makanan dengan cara yang sesuai, serta menyemak label makanan dapat memberikan impak yang nyata dan berkekalan terhadap keselamatan makanan.

Tambah Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan lagi, BDFA terus komited dalam memperkukuh langkah-langkah kawalan keselamatan makanan, memupuk kerjasama merentasi pelbagai sektor serta memastikan pelaksanaan yang selaras dengan piawaian antarabangsa.

"Ini termasuk mempromosikan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan perniagaan makanan dan pengguna, serta memperkasakan industri makanan dalam perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kapasiti yang diperlukan bagi memenuhi piawaian keselamatan makanan. Usaha-usaha bersama ini membawa kita lebih dekat ke arah sistem keselamatan makanan

yang boleh dipercayai oleh setiap individu di Negara Brunei Darussalam.

"Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi, pihak berkepentingan dalam industri, ahli akademik, perniagaan makanan serta individu yang terus komited untuk memperkukuh keselamatan makanan di negara kita. Dedikasi, sokongan dan kerjasama awda adalah tonggak penting dalam usaha ini.

"Marilah kita sama-sama melangkah maju ke hadapan dengan memperkukuh kerjasama, meningkatkan pematuhan, menggalakkan inovasi, serta membudayakan amalan keselamatan makanan supaya makanan yang selamat menjadi satu realiti untuk semua orang, di mana-mana sahaja kerana keselamatan makanan amatlah penting bagi kita semua," ujar Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan mengakhiri perutusannya.

Majlis Penutup, Penyampaian Sijil Program Latihan Serantau Hibrid



MAJLIS Penutup dan Penyampaian Sijil bagi program berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

GADONG, Sabtu, 6 Jun. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, dengan kerjasama GIZ-RECOTwin mengadakan Majlis Penutup bagi Program Latihan Serantau Hibrid mengenai Penyelidikan Kaedah Campuran Berasaskan Pemikiran Reka Bentuk bagi Pelaksanaan Indeks Kesediaan Pendidikan Penghijauan (GERI) dalam Skim Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bertempat di Dewan Seri Kerna, SEAMEO VOCTECH, Gadong, petang tadi.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi program berkenaan telah diadakan di pusat tersebut yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Dr. Haji Azman dalam ucapannya menegaskan bahawa GERI adalah tepat pada masanya dan amat relevan serta melangkaui pengukuran aktiviti-aktiviti yang terasing dengan menyediakan satu kerangka kerja menyeluruh bagi memahami tahap kesediaan institusi merentasi pelbagai dimensi, termasuk kurikulum, pembangunan guru, operasi kampus, tadbir urus, kerjasama strategik dan penglibatan

komuniti.

Beliau turut menyatakan bahawa GERI berperanan sebagai mekanisme penting dalam menyokong pelaksanaan Pelan Pendidikan Penghijauan (GEP) Negara Brunei Darussalam 2025-2035, selain menggalakkan para peserta untuk meneruskan momentum yang telah dibina melalui latihan tersebut apabila kembali ke negara masing-masing.

Terdahulu, dalam ucapan penutupnya, Pengarah SEAMEO VOCTECH, Awang Haji Norjeme bin Jenek berkata bahawa program tersebut bukan sahaja bertujuan meningkatkan kapasiti peserta malah merupakan langkah penting ke arah pelaksanaan kajian serantau di bawah agenda Majlis TVET ASEAN.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada GIZ-RECOTwin atas kerjasama berterusan yang diberikan, di samping mengucapkan terima kasih kepada para fasilitator dan peserta atas komitmen serta dedikasi mereka dalam memperkukuh pendekatan berasaskan bukti bagi menyokong usaha penghijauan TVET di seluruh rantau ASEAN.

Penyelaras Kursus yang juga

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Profesional dan Pengurus Penyelidikan SEAMEO VOCTECH, Dr. Paryono, turut berkongsi pandangan mengenai pengalaman pembelajaran kolaboratif yang diperoleh sepanjang program tersebut.

Beliau berkata, para peserta terlibat secara aktif dalam membincangkan cabaran penghijauan yang dihadapi Negara-negara ASEAN, di samping meneliti dan memperkukuh kerangka kerja GERI, merangka pelan pelaksanaan penyelidikan di peringkat kebangsaan serta menilai strategi pengumpulan data berasaskan kaedah campuran.

Beliau seterusnya memaklumkan bahawa fasa berikutnya akan melibatkan pengumpulan data di negara-negara yang mengambil bahagian serta penyediaan laporan GERI di peringkat kebangsaan dan serantau, dengan pembentangan laporan negara dijangka diadakan sekitar Oktober 2026.

Program latihan berkenaan dilaksanakan secara hibrid, meliputi sesi dalam talian selama tiga hari pada 25, 26 dan 29 Mei 2026, diikuti sesi bersemuka dan dalam talian dari 2 hingga 6 Jun 2026.

Program yang disertai 31

peserta daripada kesemua 11 Negara Anggota SEAMEO / ASEAN, termasuk wakil daripada kementerian-kementerian pendidikan, institusi TVET dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Sebagai negara tuan rumah, Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh lima orang peserta.

GERI merupakan satu kerangka kerja berstruktur yang dibangunkan oleh SEAMEO VOCTECH dan Dr. Margarita Pavlova dengan sokongan GIZ-RECOTwin bagi menilai tahap kesediaan institusi TVET merentasi domain utama pendidikan penghijauan.

Program ini mengaplikasikan Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) sebagai pendekatan penyelidikan menyeluruh untuk menyokong proses pemuktamad dan pelaksanaannya.

Melalui program ini, para peserta telah menambah baik



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa berucap.

kerangka kerja dan instrumen berkaitan, mereka bentuk pelan pelaksanaan penyelidikan di peringkat kebangsaan, serta membuat persediaan bagi pengumpulan data dan penyediaan laporan pasca latihan sebagai sebahagian daripada kajian serantau ASEAN yang lebih luas.



TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.

SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.

Road Safety Depends on #YouAndMe

BDRA LANCAKARKAN SPECIAL EVENT STATION SEMPENA HARI AMATUR SEDUNIA 2026



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Special Event Station sempena Hari Amatur Sedunia 2026 (atas), manakala gambar atas tengah dan kanan, sekitar majlis yang mengambil tempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof. Acara berkenaan turut



diselenggarakan dengan Doa Kesyukuran bersempena dengan Memperingati Penubuhan Persekutuan BDRA Ke-42.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan

ahli-ahli radio amatur seluruh dunia melalui gelombang radio amatur, selain untuk membolehkan rakan-rakan amatur radio di seluruh dunia berkongsi pengalaman mengenai teknikal radio terkini.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Radio Amatur Negara Brunei Darussalam

BERAKAS, Sabtu, 6 Jun. - Pelancaran Special Event Station Persekutuan Radio Amatur Negara Brunei Darussalam (BDRA) 2026 yang berlangsung di Dewan baru-baru ini mengadakan Majlis Kuliah, Stadium Negara Hassanal

Usaha memperkenalkan budaya, warisan masyarakat kepada generasi muda

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Makan Tahun Pantai Siandang Kampung Jerudong Tahun 2026 (atas dan atas kanan).

JERUDONG, Sabtu, 6 Jun. - Makan Tahun merupakan salah satu adat dan warisan budaya masyarakat Kedayan Brunei yang telah diamalkan sejak turun-temurun dan masih kekal dipelihara sehingga ke hari ini.

Tradisi berkenaan bukan sekadar acara makan bersama, malah mempunyai makna yang sangat mendalam dalam kehidupan bermasyarakat kerana ia melambangkan rasa kesyukuran, semangat perpaduan serta hubungan kekeluargaan yang erat dalam kalangan penduduk kampung.

Pesta Makan Tahun Pantai Siandang Kampung Jerudong Tahun 2026 anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' dengan kerjasama MPK Jerudong 'A' dan Persatuan Warisan Kedayan Kampung Jerudong serta disokong oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara diadakan pagi tadi bertempat di Pantai Siandang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Haji Afif Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin.

Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, pada kebiasaannya adat Makan Tahun diadakan selepas musim menuai, selepas memperoleh hasil atau sebagai tanda kesyukuran atas limpah rezeki, kesihatan dan keamanan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang tahun.

Jelasnya lagi, masyarakat kampung akan berkumpul bersama-sama untuk meraikannya dalam suasana penuh muafakat dan kegemilangan.

"Dalam masyarakat Puak Kedayan Brunei, persiapan Makan Tahun selalunya dilakukan secara bergotong-royong, di mana penduduk kampung akan

sama-sama menyediakan tempat majlis, mendirikan bangunan sementara seperti teratak memasak makanan tradisi, menyediakan peralatan serta menghias kawasan acara.

"Semangat bekerjasama inilah yang menjadi kekuatan utama adat Makan Tahun, kerana melalui tradisi ini, hubungan silaturahmi antara penduduk kampung dapat diperkukuhkan lagi," ujarnya.

Awang Kamis seterusnya berkata antara perkara yang paling sinonim dan mempunyai keunikannya tersendiri dengan Makan Tahun ialah penyediaan makanan tradisi seperti kelupis, wajid, lapat, lamban, dalamu, sumboi-sumboi dan pelbagai jenis masakan kampung yang diwarisi daripada generasi terdahulu.

Selain makanan tradisi tambahnya lagi, adat Makan Tahun juga sering diserikan dengan pelbagai acara kebudayaan dan permainan tradisi seperti permainan gasing, sukan ria, persembahan pentas serta pertandingan tradisional yang melibatkan penyertaan masyarakat setempat.

Acara seperti berkenaan jelasnya, menjadikan suasana lebih meriah di samping memberi peluang kepada generasi muda untuk mengenali budaya dan adat resam masyarakat terdahulu.

"Pada zaman dahulu, Makan Tahun juga menjadi kesempatan untuk masyarakat kampung berkumpul dan bermesyuarat secara tidak rasmi, saling bertukar cerita, mempererat hubungan kekeluargaan serta menyelesaikan perkara-perkara berkaitan kehidupan bermasyarakat.

"Oleh itu, adat ini bukan sahaja penting dari sudut budaya, malah turut memainkan peranan dalam membentuk keharmonian dan perpaduan masyarakat kampung.

"Walaupun zaman semakin berubah dan kehidupan semakin moden, adat Makan Tahun masih relevan dan wajar diteruskan kerana ia menjadi salah satu cara untuk memastikan warisan budaya masyarakat Brunei Kedayan tidak



hilang ditelan arus pembangunan," katanya lagi.

Generasi muda terangnya, perlu diberi peluang untuk melihat, mempelajari dan mengalami sendiri adat-adat seperti ini agar mereka lebih menghargai identiti budaya dan sejarah masyarakat mereka sendiri.

Bertepatan dengan slogan acara Makan Tahun Pantai Siandang Jerudong, 'Sekudi Kelupis Menjalin Budaya', majlis berkenaan menjadi lambang perpaduan masyarakat dalam sama-sama memelihara, menghargai dan menghidupkan warisan budaya tempatan agar terus kekal diwarisi oleh generasi akan datang.

Di kesempatan itu juga, tetamu kehormat dan para jemputan berpeluang berkunjung dan menyaksikan pameran barang-barang kelengkapan harian yang sering digunakan oleh masyarakat Puak Kedayan.

Di samping itu, para pengunjung juga berpeluang mengunjungi gerai-gerai jualan yang beroperasi sepanjang acara Makan Tahun berkenaan berlangsung.

Pelbagai jenis makanan, minuman, produk tempatan dan hasil jualan anak-anak buah kampung dapat diperoleh, sekali gus membantu memperkembang ekonomi komuniti serta memberi

peluang kepada para peniaga tempatan untuk sama-sama terlibat dalam acara kemasyarakatan seperti berkenaan.

Juga diadakan Perlawanan Gasing Se-Borneo yang menghimpunkan para peminat sukan tradisi dalam kalangan para peserta tempatan mahupun dari negara jiran, Sabah dan Sarawak yang menunjukkan bahawa permainan tradisi seperti gasing masih mempunyai peminat dan pengikutnya yang tersendiri, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam malah juga di peringkat serantau.

Sepanjang berlangsungnya acara pada hari ini, pelbagai aktiviti turut disediakan bagi memeriahkan suasana, antaranya demonstrasi mengelupis dan masakan tradisi, pameran barang-barang kelengkapan harian masyarakat Puak Kedayan, persembahan dan perlawanan gasing Se-Borneo, sukan ria serta gerai-gerai jualan tempatan.

Pesta seumpama berkenaan bukan sahaja untuk hiburan dan riadah, malah sebagai usaha memperkenalkan budaya dan warisan masyarakat kepada generasi muda dan mampu menarik penyertaan lebih ramai peserta serta pelancong dari dalam dan luar negara.

MENGUKUHKAN HUBUNGAN STRATEGIK JBS DENGAN PERSATUAN, PERGERAKAN BELIA

Oleh : Marlinawaty hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Sabtu, 6 Jun. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengadakan Muhibah Pergerakan Belia 2026 bertempat di Dewan Kuliah dan Bilik Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Lebih 30 persatuan dan pergerakan belia di bawah pemantauan jabatan telah dijemput bagi menghadiri program muhibah berkenaan dengan membawa sekurang-kurangnya dua ahli

eksekutif yang terdiri daripada Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua atau Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO).

Hadir, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Awang Mohd. Ali Noh bin Haji Masri, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Belia dan Sukan.

Program diteruskan dengan taklimat yang disampaikan oleh Bahagian Belia, JBS.

Program diselenggarakan dengan sesi konsultasi 1-to-1 yang melibatkan sebanyak 11 sesi *table engagement* yang terdiri daripada Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS), aplikasi 'Mengalinga', Skim PERKASA, Program Teambuilding, Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Program Antarabangsa atau YOUTH : Leadership, Innovate, Talent and Empowerment (Y-LITE), Kompleks Sukan atau Hab Belia, JBS Cawangan Daerah Brunei dan Muara; JBS Cawangan Daerah

Tutong, JBS Cawangan Daerah Temburong dan JBS Cawangan Daerah Belait.

Muhibah Pergerakan Belia 2026 berkenaan merupakan julung-julung kali diadakan sebagai sebuah platform *engagement* bersama persatuan dan pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam selaras dengan perancangan dan KPI tahunan jabatan dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan serta *engagement* pembangunan belia yang lebih proaktif, responsif dan berimpak.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan hubungan strategik antara JBS dengan persatuan dan pergerakan belia di samping menjadi platform *engagement* bagi mengenal pasti cabaran, keperluan dan pandangan persatuan.

Program berkenaan juga dapat menyampaikan maklumat berkaitan DBNS 2020-2035, peluang bantuan, kemudahan, program dan inisiatif kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan belia serta mewujudkan tindakan susulan yang lebih berfokus (*action plan*) dalam memperkasa pembangunan persatuan dan pergerakan belia.

Program juga dihasratkan untuk



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim semasa ucapan alu-aluannya (kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir pada Muhibah Pergerakan Belia 2026 bertempat di Dewan Kuliah dan Bilik Juri, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

menjadi ruang bagi persatuan dan pergerakan belia menyuarakan pandangan, cabaran, keperluan serta cadangan berkaitan pembangunan belia, di samping membolehkan pihak JBS berkongsi maklumat terkini mengenai peluang, kemudahan, bantuan dan inisiatif

kerajaan yang berkaitan. Melalui pendekatan *engagement* secara langsung berkenaan, hubungan kerjasama antara kerajaan dan persatuan belia diharapkan dapat diperkukuh ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan DBNS 2020-2035.

Kapal Persiaran Piano Land kembali singgah di NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

MUARA, Sabtu, 6 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengalu-alukan ketibaan Kapal Persiaran Piano Land baru-baru ini yang membawa seramai 1,995 penumpang antarabangsa dan 483 anak kapal ke negara ini. Kapal tersebut tiba dari Kota Kinabalu sebagai sebahagian daripada pelayaran serantaunya sebelum meneruskan perjalanan ke Hong Kong, Republik Rakyat China.

Persinggahan terbaharu ini terus mengukuhkan kedudukan NBD sebagai destinasi pelancongan kapal persiaran yang semakin menarik di Asia Tenggara. Ketibaan ini juga menandakan satu lagi kunjungan semula Kapal Persiaran Piano Land ke NBD, mencerminkan keyakinan dan minat berterusan pengendali kapal persiaran antarabangsa terhadap produk pelancongan unik serta layanan mesra yang ditawarkan oleh negara ini.

Setibanya di Pelabuhan Muara, para penumpang disambut dengan persembahan muzik tradisional yang mempamerkan warisan budaya yang kaya serta keramahan rakyat NBD. Mereka kemudian berpeluang meneroka beberapa tarikan ikonik dan mercu tanda kebudayaan negara.

Sepanjang lawatan mereka,

ramai pelawat mengunjungi lokasi-lokasi terkenal termasuk Istana Nurul Iman, Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, selain beberapa tempat menarik lain di ibu negara. Para penumpang turut berpeluang menikmati suasana aman negara ini, warisan Islam yang kaya serta budaya tempatan sambil meneroka bandar dan berinteraksi dengan masyarakat setempat.

Pelawat daripada kapal persiaran tersebut turut berkongsi pengalaman positif mereka di NBD. Edward Mak menyifatkan negara ini sebagai bersih dan aman, di samping memuji sikap mesra serta sopan santun rakyat tempatan sepanjang lawatannya. Beliau juga menghargai budaya pemanduan yang berhemah di NBD, yang menjadikan pengalaman menjelajah destinasi ini lebih selesa dan menyenangkan.

Sementara itu, Li Chang Gang berkata bahawa lawatan ke NBD amat berbaloi, terutamanya kerana tidak mudah untuk mendapatkan kumpulan pelancongan dari Republik Rakyat China yang berkunjung ke negara ini. Beliau turut memuji udara negara yang segar dan bebas pencemaran, layanan mesra rakyat tempatan,

serta menggambarkan lawatannya ke NBD sebagai santai dan menyenangkan.

Kunjungan berulang kapal persiaran seperti Piano Land menyerlahkan daya tarikan NBD yang semakin meningkat dalam kalangan pelancong kapal persiaran antarabangsa yang mencari pengalaman budaya autentik, mercu tanda bersejarah dan tarikan berasaskan alam semula jadi.

Sebagai kapal persiaran ke-17 yang berlabuh di NBD pada tahun ini, ketibaan kapal tersebut turut mencerminkan pertumbuhan berterusan sektor pelancongan kapal persiaran negara. Industri ini terus memberikan sumbangan positif kepada sektor pelancongan tempatan dengan menyokong penyedia perkhidmatan pelancongan, pengendali lawatan,



syarikat pengangkutan dan perniagaan kecil melalui peningkatan jumlah pelawat antarabangsa yang tiba ke negara ini. NBD juga menantikan ketibaan Kapal Persiaran Villa Vie Odyssey,

yang dijadualkan membuat persinggahan sulungnya di NBD pada 5 Ogos 2026, sekali gus mengukuhkan lagi profil NBD sebagai destinasi kapal persiaran yang semakin berkembang di rantau ini.



NEGARA Brunei Darussalam mengalu-alukan ketibaan Kapal Persiaran Piano Land (atas kanan dan atas).



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'. Tarikh Tutup : 10 Jun 2026
2. 'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'. Tarikh Tutup : 17 Jun 2026
3. 'Peranan belia dalam pembangunan negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

54 PESERTA TERIMA SIJIL PROGRAM LITERASI PENERANGAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara menutup tirainya petang tadi di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil.

Sijil penyertaan telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah.

Program kali ini disertai oleh

seramai 54 peserta yang terdiri daripada pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara, antaranya Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), University of Leicester, United Kingdom; Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), Kolej International Graduate Studies (KIGS), Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei

(IBTE).

Turut menyertai program berkenaan ialah para lepasan ijazah, belia pencari pekerjaan serta pelajar yang sedang menjalani cuti persekolahan.

Pada hari kedua program, para peserta mengikuti taklimat bertajuk 'Jenayah Siber, Scammer dan Keldai Akaun' yang disampaikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Para peserta juga berpeluang mengadakan lawatan ke Syarikat Beauteleven bagi mendengarkan taklimat mengenai latar belakang penubuhan, serta perkembangan terkini dan perancangan masa depan syarikat berkenaan.

Sementara pada sebelah petang, para peserta mengikuti taklimat mengenai 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang' yang dikendalikan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN).

Selain mendengarkan penerangan, para peserta turut berpeluang mempelajari dan menyertai aktiviti menambat dastar dan menapih sinjang dengan bimbingan pegawai-pegawai JAIN.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan yang dilaksanakan melalui pendekatan

SIJIL penyertaan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Haji Emzah (atas), manakala gambar atas kiri, Pemangku Pengarah Penerangan bergambar ramai bersama para peserta program. Sementara gambar kanan dan bawah kiri, para peserta berpeluang mengadakan lawatan ke Syarikat Beauteleven dan mengikuti taklimat mengenai 'Menambat Dastar dan Menapih Sinjang'.

Whole of Nation dan Whole of Government.

Program berkenaan antara lain bertujuan untuk melahirkan golongan belia yang berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh

serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



Memperkukuh kerjasama pihak berkepentingan dalam industri pelancongan

Siaran Akhbar : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, baru-baru ini dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan dua wakil pemasaran pelancongan antarabangsa di Republik Korea dan Jepun sebagai langkah strategik untuk memperkukuh pemasaran destinasi serta penglibatan perdagangan pelancongan Negara Brunei Darussalam (NBD) di Asia Timur.

Di bawah pelantikan berkenaan, TAMS Inc. telah dilantik sebagai Wakil Pemasaran Pelancongan NBD bagi Republik Korea, manakala World Compass Co. Ltd. pula dilantik bagi Jepun.

Kedua-dua wakil berkenaan akan menyokong strategi jangka panjang pelancongan NBD untuk meningkatkan keterlihatan destinasi, memperluas penembusan pasaran serta memperkukuh kerjasama dengan

pihak berkepentingan dalam industri pelancongan.

Pelantikan berkenaan akan berlangsung sehingga 2029, bagi memastikan sokongan berterusan di pasaran masing-masing sepanjang tempoh tiga tahun akan datang.

Pada 2025, pelancong dari Republik Korea merekodkan 7,914 ketibaan melalui udara, manakala Jepun mencatatkan 13,200 ketibaan, dengan kedua-dua pasaran kekal sebagai sumber utama pelancong dari Asia Timur yang mencerminkan permintaan perjalanan yang stabil serta potensi pertumbuhan yang kukuh.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk terus memposisikan NBD sebagai destinasi unik yang menawarkan pengalaman pelancongan yang autentik dan mendalam termasuk pelancongan berasaskan alam semula jadi, penerokaan warisan budaya serta segmen khusus seperti aktiviti

selam skuba, pemerhatian burung dan pelancongan berorientasikan alam semula jadi.

Tawaran-tawaran berkenaan selaras dengan strategi jabatan untuk mempelbagaikan daya tarikan pasaran serta memperkukuh kedudukan produk pelancongan negara.

Usaha berkenaan juga menyokong momentum ke arah 'Tahun Melawat Brunei (Visit Brunei Year) 2027' dengan penekanan yang lebih besar terhadap peningkatan kesedaran mengenai destinasi, mempertingkatkan keterlihatan produk pelancongan dan merangsang minat yang lebih kukuh daripada pasaran Republik Korea dan Jepun.

Dengan kehadiran kukuh di pasaran masing-masing, wakil-wakil yang dilantik berkenaan akan memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat dan pandangan semasa mengenai trend pelancongan yang sentiasa berkembang, keutamaan

pelancong serta dinamik saluran pendedaran khususnya berikutan peralihan berterusan ke arah Pelancong Bebas (Free Independent Travellers - FIT) dan pengaruh media sosial yang semakin meningkat dalam membuat keputusan perjalanan.

Penglibatan mereka dijangka dapat terus memperkukuh keterlihatan NBD di platform digital dan media sosial Republik Korea serta Jepun, di samping meningkatkan kesedaran mengenai destinasi dan memperluas capaian pasaran di kedua-dua negara.

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk memperkukuh penglibatan dengan ejen pelancongan, pengendali pelancongan, media serta pihak berkepentingan industri yang lebih luas di kedua-dua pasaran berkenaan.

Ini termasuk menyokong pelaksanaan aktiviti perdagangan yang diselenggarakan, promosi destinasi, lawatan pengenalan destinasi (FAM Trip), serta

penyertaan dalam acara dan kempen pelancongan yang berkaitan, yang kesemuanya bertujuan untuk meningkatkan keterlihatan NBD dan memperkukuh peluang komersial bagi pelancongan masuk ke negara ini.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada strategi lebih menyeluruh jabatan untuk memperluas jangkauan pemasaran antarabangsa melalui perwakilan rasmi di pasaran sasaran dan kerjasama strategik.

Ia juga memastikan penyampaian mesej destinasi yang lebih konsisten dan berdaya saing, selain mengukuhkan kedudukan NBD sebagai destinasi unik yang menawarkan pengalaman pelancongan yang autentik, mampan dan bermakna.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan produk pelancongan NBD, layari laman sesawang rasmi Brunei Tourism di www.bruneitourism.com atau ikuti [@bruneitourism](https://www.instagram.com/bruneitourism) di Instagram.

PGGMB ADAKAN MAJLIS PEMBUKAAN MAP KE-76



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai dan seterusnya menyampaikan Anugerah Ahli Tertua PGGMB Tahun 2026 kepada Pengiran Hajah Mariam binti Pengiran Haji Damit (atas dan bawah kanan). Sementara gambar atas kanan, antara atur cara program yang diadakan di Dewan Pisuk Babu, Annajat Complex, Kampung Mata-Mata.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

GADONG, Ahad, 7 Jun. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) pagi tadi mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-76, Sesi Pentadbiran 2025-2026, bertempat di Dewan Pisuk Babu, Annajat Complex, Kampung Mata-Mata, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Mengalu-alukan ketibaan tetamu kehormat ialah Yang

Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB.

Atur cara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua PGGMB selaku Pengerusi Majlis, dan diteruskan dengan ucapan tetamu kehormat yang seterusnya merasmikan MAP PGGMB Kali Ke-76.

Sejurus selepas ucapan perasmian, tetamu kehormat melancarkan laman sesawang PGGMB 2026, diikuti dengan

penyampaian cenderamata kenangan dan penghargaan kepada mantan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB yang telah kembali ke rahmatullah.

Acara kemuncak ialah penyampaian Anugerah Ahli Tertua PGGMB Tahun 2026 kepada dua orang penerima iaitu Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Kadi, 89 tahun dan Pengiran Hajah Mariam binti Pengiran Haji Damit, 86 tahun.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil dan hadiah pelajar cemerlang kepada enam orang pelajar-pelajar Sekolah-sekolah PGGMB yang memperoleh 5 'A' dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2025, dan diakhiri dengan Lagu Rasmi



PGGMB 'Semangat Guru'.

Juga hadir, guru-guru besar dan guru-guru Sekolah-sekolah PGGMB serta ibu bapa dan penjaga anak murid.

MAP PGGMB diadakan setiap tahun yang disertai oleh Ahli-ahli Perwakilan yang dilantik dan mewakili enam cawangan PGGMB dari setiap daerah.

Sesi mesyuarat dimulakan sejurus selepas Majlis Pembukaan Mesyuarat.

Agenda mesyuarat dimulakan dengan penerangan Pengerusi Tetap PGGMB dan seterusnya menyemak dan mengesahkan Minit MAP PGGMB Kali Ke-75, Sesi Perkhidmatan 2024-2025.

Ini disusuli dengan pembentangan laporan dan penyata kewangan daripada Bahagian-bahagian PGGMB bagi tahun kewangan 2025.

Mesyuarat diakhiri dengan sesi soal jawab.

Majlis Perniagaan Wanita raikan ulang tahun ke-25

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Majlis Perniagaan Wanita



YANG Dipertua Majlis Perniagaan Wanita Brunei (MPW), Datin Paduka Hajah Rokiah binti Haji Zakiah hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Memperingati Penubuhan 25 Tahun (Jubli Perak) MPW serta Pelancaran Buku Masakan Pilihan sempena Jubli Perak Tahun 2026 (atas dan kanan).

KIULAP, Ahad, 7 Jun. - Majlis Perniagaan Wanita Brunei (MPW) terus melakar sejarah tersendiri apabila meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-25 menerusi Majlis Memperingati Penubuhan 25 Tahun (Jubli Perak) MPW serta Pelancaran Buku Masakan Pilihan sempena Jubli Perak Tahun 2026 yang berlangsung di Higher Hotel, Kampung Kiulap.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Dipertua MPW, Datin Paduka Hajah Rokiah binti Haji Zakiah.

Semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, Naib Yang Dipertua MPW, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia berkata, tempoh 25

tahun bukanlah satu perjalanan yang singkat, malah penuh dengan pelbagai cabaran dan perubahan zaman yang telah ditempuhi bersama oleh ahli-ahli organisasi tersebut.

Beliau menjelaskan, sepanjang tempoh itu MPW telah melalui pelbagai fasa perkembangan termasuk perubahan ekonomi dan sosial masyarakat, selain berjaya menghimpunkan ramai wanita yang pernah menjadi sebahagian daripada keluarga besar MPW/WBC.

Menurut beliau, setiap ahli yang pernah bersama organisasi tersebut sama ada yang masih aktif mahupun yang telah membawa haluan masing-masing, tetap

memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan kekuatan MPW hari ini.

Tambah beliau lagi, antara pencapaian paling membanggakan sepanjang penubuhan MPW ialah kejayaan organisasi berkenaan dalam mengenal pasti, membimbing dan menyetujui ramai usahawan wanita yang berpotensi besar dalam bidang perniagaan.

Ramai dalam kalangan ahli yang bermula sebagai usahawan kecil kini berjaya mengembangkan perniagaan hingga ke peringkat antarabangsa, ujanja lagi.

Kejayaan tersebut, jelasnya, membuktikan peranan MPW sebagai platform pembangunan,

jaringan dan sokongan kepada komuniti usahawan wanita di negara ini. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada ASEAN Women Entrepreneurs' Network yang disifatkan sebagai rakan strategik penting kepada MPW dalam membantu meningkatkan daya saing usahawan wanita Brunei di peringkat ASEAN.

Kehadiran para ahli, usahawan wanita serta jemputan khas memeriahkan lagi sambutan penuh bermakna tersebut yang mencerminkan perjalanan panjang organisasi berkenaan dalam memperkasa golongan wanita dalam bidang keusahawanan di Negara Brunei Darussalam.



BUKU Masakan Pilihan sempena Jubli Perak Tahun 2026.

سروك بروني

جودي: ترسليندوغ دسباليك هيپورن

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغككن كيلمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يڠ فالينغ مليا ديسي الله ﷺ ايت اياله اورغ يڠ فالينغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يڠ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كجيان دان كسلامن دننيا دان جوك داخيرة.

الله ﷺ بفرمان دالم سورة المائدة، آية ٩١:

سسوغكوهن شيطان ايت ماهو منيمبولكن فرموسوهن دان كبنجين انتارا كامو دغن سبب (مبنوم) ارق دان (برماين) جودي دان متهالغي كامو درقد مغايغي الله دان مغراكن سمبيغ، مك تيدقكه كامو ماهو برهنني (درقد ملاكوكن فربوانن كجي ايت)?

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيني راماي يڠ منجاري جالن سيغكت اونوق مندافتكن واغ، هرتا دان ككايان تنفا براوسها، تنفا برقت دان تنفا ميكرن سوال حلال اتاو حرامن. انتارا جالن يڠ فالينغ موده نامون ساغت كجي اياله جودي. والوقون اي كليهن مبرونوقن دان منجنجكن كاوتوغن سكر، حقيقتن اي اداله جالن قينتنس يڠ مباوا كهدن جودن دننيا دان عذاب داخيرة.

سسوغكوهن اسلام مغحرامكن سكل بنتوق فرجودين سام اد ملالوي فرماينن، هيپورن اتاو اف جوا سالورن يڠ مغاندوغي عنصر فرتاروهن. اين كران جودي بوكن سهاج مروسقن اخلاق، ماله توروت مغكوكت كستايلن اينديويدو، كلوارك دان مشاركت. لارغن اين تله دياتاكن دغن جلس اوليه الله ﷺ دالم فرمانن ملالوي سورة المائدة، آية ٩٠:

واهاي اورغ-اورغ يڠ برلمانا! سسوغكوهن ارق، جودي، فموجان برهلا دان مغوندي نصيب دغن اتي فانه ايت اداله (فربوانن) كجي درقد فربوانن شيطان. مك هندقله كامو منجاوهين سوقاي كامو براوليه كمنغن (دان كبراونتوغن).

جماعه يڠ درحمتي الله،

جودي عبارت راجون يڠ فرلاهن-لاهن مبرف دالم كهيدوقن سساورغ. جك تيدق دهنتيكن، اي بوليه منجادي سقرتي باره يڠ مروسقن بوكن هان ديري سنديري، ماله توروت مبري كسن بوروق كهدن كلوارك دان مشاركت. جودي اين تيدق برلاكو تنفا سبب، انتارا فونجا اوتام يڠ مندوروغ سساورغ ترحوموس دان ترجبق كدالم فرجودين اياله:

فرتام: كورغن فتهوان دان فحجانن اكلام. كسيبون مغچار كسرونوقن دان كميواهن دنيا ميبين راماي لالاي درقد مندالي دان مغمكلن علمو اكلام. تنفا علمو يڠ منجادي بيتينغ، سساورغ موده ترحوموس دالم فربوانن معصية دان تيدق برمورل.

كلدا: مغيكوت هارا نفسو. دوروغن نفسو دان كرايغين اونوق هيدوق سنغ منجادين سساورغ طمع دان سغكوف ملاكوكن فركارا حرام. دالم كادان اين، اجارن اكلام دكشيكن دمي كفواسن سمنازا، والوقون اخيرن مباوا كروكين يڠ بسر.

كتيك: تكنن هيدوق دان مسئله سوسيوايكونومي. كسمقين هيدوق دان فندافتن يڠ رنده مندوروغ سستغه اينديويدو منجاري جالن سيغكت اونوق

مندافتن واغ. مريك ميغكا جودي ممغو مغويه نصيب، سدغكن حقيقتن اي هان مباوا كهنجورن دان فيسلن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

فرجودين بوكن سقدر فربوانن يڠ حرام ديسي اكلام اسلام، تنافي اي جوك مباوا قلابكاي كسن بوروق يڠ بوليه مروتوهن كهيدوقن اينديويدو، ممجه-بلهكن كلوارك دان مروسقن كسجهزان مشاركت. انتارا كسن بوروق فرجودين ترهادف اينديويدو دان مشاركت اياله:

فرتام: كروتوهن اخلاق دان مرواه. كتاكين برجودي مروسقن اخلاق دان منجاتوهن مرواه ديري. اي بوكن سهاج مبري كسن كهدن اينديويدو، توروت مغكوكو كهرمونين كلوارك دان مشاركت.

كلدا: ميماي دنلم دان فرموسوهن. جودي ملاهركن صفة طمع، فتيغكن ديري دان موده منجوسقن فركادوهن افيل برلاكو ككاهن اتاو فيفوان. اي جوك بوليه مروتوسقن صلة الرحيم دان مبروركن كبنجين.

كتيك: ملايكن تفكوجواب كهدن الله ﷺ. مريك يڠ هايوت دالم فرجودين سريغ منيغككن عبادت سمبيغ دان سماكين جاوه درقد الله ﷺ. جيووا مريك منجادي كليسه دان كهيدوقن سنتياس تراس سمقيت.

كامقت: ديني هوتغ دان مسئله كواغن. كتاكين جودي مندوروغ سساورغ برهوتغ سجارا برليهن دان اخيرن ترغركف دالم تكنن سرتا مسئله كواغن يڠ سبريوس.

كليما: ترفيسون عقيدة. ليه ميمبيغكن، سستغه فوجودي مولا فرجاي كهدن فركارا خرافة سقرتي ميمي، بومه دان ساومقمان. كفرجاين سبكي مياويغ درقد اجارن اسلام دان بوليه مباوا كهدن شيريك.

جماعه يڠ درحمتي الله،

جودي بوكله سسواتو يڠ اسبغ دالم كهيدوقن مانسي. اي تله وجود سقق زمان برزمان، مغهرت راماي ك لمبه كهنجورن. نامون، دالم اروس كمودن هاري اين، بنتوق سماكين ترسليندوغ دسباليك نام هيپورن دان فرماينن. كادغكلا اي تيدق لاكي كليهن جلس سباكاي جودي، نامون حقيقتن تنف مباوا عنصر يڠ سام سقرتي فرتاروهن، كتيدق تنوان دان هارفن كهدن نصيب سمات-مات. اينله بنتوق فرجودين مودن يڠ ليه هالوس تنافي تنف ميبناساكن.

ساله ساتو جوتوه يڠ فرلو ديري فرهاتين اياله BULL RIDE CHALLENGE، يات فرماينن يڠ مغوجي كاهنن فيزيكل دغن منوغكغ لمبو ميكانيكل يڠ برقرك سجارا تيدق منتنو. فد ظاهرن اي كليهن سباكاي هيپورن سمات-مات، نامون حقيقتن براوبه افيل فرتان دنكاكن بايرن دان كنجارن هان ديريكن كهدن فسترا يڠ برجاي. منوروت شرع، جك هديه ترسوت برسومير درقد بايرن فرتان فمابين، مك اي مرفاكن سواتو فرتاروهن يڠ ميبين ساله ساتو فيبق اكن اونتوغ دان ساتو فيبق لاكي اكن روكي.

افيل واغ دجادين تاروهن، يڠ منغ ممراوليهي كاوتوغن، مانكلا يڠ كاله كهيلغن بايرن تنفا سبارغ فولغن. مك فرماينن اين تله ملغكاوي باتس هيپورن دان جاتوه كهدن عنصر فرجودين. اينله حقيقت يڠ تيدق بوليه دغدغ ريغن، كران ستياف بنتوق فرتاروهن يڠ مباوا كهدن اونتوغ روكي سبكي اداله ترماسوق دالم كاتيكوري جودي يڠ دحرامكن اوليه شرع.

سهيوغن ايت، اومت اسلام هندقله بروسقادا دان منجاوهي سكل بنتوق اكيويي يڠ مغاندوغي عنصر فرتاروهن، والوقون اي دسليندوغي دغن نام هيپورن اتاو جابرن كران سسوغكوهن يڠ حرام تنف حرام، والو دالم اف جوا بنتوق سكاليفون. منوروت امام المجلي دالم كتاب كتنو الراغبين: جك دشرطكن دالمن (سواتو فرماينن) اد هرتا (يڠ دفرتاروهن) درقد كدوا بله فيبق (يڠ برتديغ) يات بهاوا سسيافا يڠ منغ درقد كدوا بله فيبق، (هرتا فيبق لاي يڠ دفرتاروهن) اكن منجادي ميبين (اورغ يڠ منغ)، مك ايتوله جودي يڠ دحرامكن.

بردرسكن فنحلسن ترسوت، داقت دهسي بهاوا سواتو فرماينن يڠ دكاتيكوري سبكاكي جودي اياله فرماينن يڠ مليتنن فرتاروهن هرتا سام اد دالم بنتوق واغ ريغكيت اتاو سلاينن ديري فيبق يڠ ايكوت سرتا.

اوليه يڠ دمكين، سباكيمان يڠ دفنواكن اوليه جابتن مغني كراجان نكارا بروني دارالسلام مغناي فرماينن BULL RIDE CHALLENGE (فتوى سري ٢٠٢٥/٢١) يڠ تله دكلواركن اوليه يڠ برحمت فيهن مغني كراجان فد ٢٧ جمادى الآخر ١٤٤٧ هجرة برسامان ١٨ ديسيمبر ٢٠٢٥ مسيحي، اومت اسلام اداله دلارغ دان حرام حكومن مليتنن ديري دالم فرماينن ترسوت سام اد سباكاي فمابين اتاو ففانجورن كران اي مرفاكن سواتو دوسا. دالم فركارا اين، فيبق-فيبق براوتوري يڠ مغاول ففانجورن فرماينن ساومقام اين جوك واجب مغميل فرهاتين تنغ حكوم مغناين كران اخير-اخير اين فرماينن ساومقام اين سماكين لومره داداكن تراوام دموسيم-موسيم فرايان.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ستياف فرينته دان لارغن يڠ دنتقن اوليه الله ﷺ اداله تندا كاسيه ساينغ دان رحمة الله ﷺ ترهادف هميا-هميان. انتارا لارغن يڠ دتكسكن دالم اسلام اياله جودي. سسوغكوهن جودي ايت تنفق موده، مبرونوقن دان منجنجكن فولغن سكر تنافي اخيرن مباوا كهدن فيسلن، كتاكين، هوتغ، فرتغكرن، كروتوهن رومه نغكا دان هيلغن كبركتن دالم كهيدوقن.

كيت تيدق منافيكن بهاوا ستياف انسان فسني فرنه ملاكوكن كسيلقن. نامون، الله ﷺ مها فقامون دان سنتياس ميبكا فيتنو توبه باكي سسيافا يڠ ايغين كمبالي كهدن. باكي يڠ فرنه ترجبق دالم جودي سجارا ترغ اتاو ترسمبوي، سكراله برتوبه دان هنتيكله سكل بنتوق فربوانن يڠ مغوندغ دوسا دان كموركان الله ﷺ.

اخيرن، ماريله كيت سام-سام بردعاء اكر الله ﷺ مليهارا ديري كيت، كلوارك دان مشاركت درقد بلغكو جودي دان سكل بنتوق كمعصين. سموك دغن منجاوهي فركارا يڠ دحرامكن، كيت مندافت كبركتن هيدوق دان نكارا اين تروس درحمتي سرتا دريضاياي الله ﷺ. آمين يا رب العالمين.

واهاي مانسي! ماكله (ماكنن) درقد اف يڠ اد دومي يڠ حلال لاكي بابك دان جائله كامو مغيكوت جحق لفكه شيطان. سسوغكوهن شيطان ايت اياله موسوه يڠ بات باكي كامو. {سورة البقرة آية: ١٦٨}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا رَبُّ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَمَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّابِينَ.

MELAHIRKAN LEBIH RAMAI PEMBACA SURAH AL-FATIHAH BERKEMAHIRAN



SEKITAR Bengkel Surah Al-Fatihah bagi Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah dan Jemaah Masjid bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Daerah Tutong (atas dan kanan).

TUTONG, Sabtu, 6 Jun. - Surah Al-Fatihah merupakan surah penting dan wajib dibaca dalam setiap sembahyang. Justeru, bacaan yang betul dari segi tajwid, makhras dan *fasahah* perlu dipelajari, difahami serta diperkukuh oleh semua peringkat umur, lebih-lebih lagi dalam kalangan generasi muda agar bacaan yang dilafazkan benar-benar sempurna.

Bagi mendukung usaha tersebut, Jabatan Hal Ehwal

Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Daerah Tutong dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong mengendalikan Bengkel Surah Al-Fatihah bagi Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT), Muslimah dan Jemaah Masjid bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di masjid berkenaan, pagi tadi.

Fasilitator dalam mengendalikan bengkel ini ialah Awang Haji Daud bin Haji Abd. Kadir dan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para peserta mengenai hukum-hukum tajwid dalam bacaan Surah Al-Fatihah, di samping memperbetulkan sebutan makhras huruf serta memantapkan bacaan dalam sembahyang.

Program berkenaan juga memberi peluang kepada para peserta untuk mempraktikkan bacaan secara langsung melalui sesi latihan, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat ukhuwah dalam kalangan peserta.

Melalui program ini, diharap akan lahir lebih ramai pembaca Surah Al-Fatihah yang berkemahiran dan berpotensi menjadi contoh ikutan dalam kalangan AJKT, Muslimah serta jemaah masjid.

Antara pengisian bengkel termasuk penerangan mengenai pengertian dan hukum-hukum tajwid serta penekanan terhadap kepentingan membaca Surah Al-Fatihah dengan betul dalam sembahyang, disertai contoh-contoh bacaan yang tepat.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Para peserta juga didedahkan kepada jenis-jenis kesalahan yang sering berlaku dalam bacaan Al-Quran selain mengikuti sesi tahsin secara berkumpulan dan perseorangan bagi membantu memperbaiki mutu bacaan masing-masing.

Di samping itu, bengkel turut memberikan penerangan lebih mendalam mengenai hukum-hukum tajwid khusus bagi Surah Al-Fatihah, selain menyelitkan pembelajaran asas lagu-lagu *murattal* serta panduan

lain yang bersesuaian dalam usaha meningkatkan kualiti bacaan para peserta.

Pengendalian bengkel seumpama ini dihasratkan menjadi wadah yang bermanfaat dalam membantu para peserta mempertingkatkan mutu bacaan Surah Al-Fatihah, seterusnya memberi impak positif terhadap kesempurnaan ibadah, khususnya sembahyang, serta melahirkan individu yang mampu menjadi contoh ikutan kepada anak kariah yang lain.



STACK 2026 kembali dengan pengisian program diperluaskan

■ Siaran Akhbar : Cyber Security Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Cyber Security Brunei (CSB) dengan bangganya mengumumkan kembalinya STACK 2026, yang dianjurkan oleh CSB bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE).

Acara ini menghimpunkan agensi kerajaan, pemimpin industri, organisasi sektor swasta, institusi akademik dan profesional teknologi untuk memperkukuh kerjasama, perkongsian pengetahuan serta inovasi dalam ekosistem digital dan keselamatan siber Negara Brunei Darussalam (NBD). Acara selama tiga hari ini akan berlangsung dari 8 hingga 10 Jun 2026 di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Susulan kejayaan penganjuran sulungnya, STACK kembali dengan program yang diperluaskan merangkumi bengkel, perbincangan strategik, pameran inovasi dan sesi penglibatan industri yang memfokuskan kepada keselamatan siber, teknologi baru muncul, pematuhan, daya tahan dan transformasi digital, dengan penyertaan rakan-rakan tempatan dan antarabangsa.

Antara program STACK 2026 ialah Latihan Tabletop Keselamatan Siber untuk Sektor Maritim iaitu latihan peringkat kebangsaan yang direka untuk memperkukuh kesiapsiagaan dan koordinasi antara agensi kerajaan, pihak berkepentingan industri serta pengamal keselamatan siber dalam menangani insiden siber yang disimulasikan melibatkan sektor maritim Negara Brunei Darussalam (NBD). Para peserta akan meneliti proses tindak balas insiden, pembuatan keputusan, perkongsian maklumat dan pengurusan krisis dalam situasi

yang realistik.

Seterusnya, Bengkel Tinjauan Tenaga Kerja di mana bengkel ini akan dikendalikan oleh Deloitte, bengkel tertutup ini akan memberi tumpuan kepada peningkatan kesiapsiagaan keselamatan siber organisasi melalui sesi praktikal yang meliputi penilaian risiko keselamatan siber, latihan simulasi pengurusan krisis serta audit keselamatan siber. Peserta akan memperoleh pemahaman tentang cara mengenal pasti risiko, meningkatkan daya tahan dan memperkukuh amalan tadbir urus.

Kemudian, Program Menjamin Masa Depan Sektor Tenaga di mana sesi ini meneroka cabaran dan penyelesaian keselamatan siber dalam sektor tenaga dengan memberi tumpuan kepada perlindungan infrastruktur kritikal.

Peserta akan memperoleh pandangan berharga mengenai pengesanan ancaman, sambungan selamat, pengurusan identiti dan akses, perlindungan titik akhir (*endpoint protection*) serta strategi daya tahan siber.

Program seterusnya, Rangka Kerja Migrasi Kriptografi Pasca-Kuantum (PQC) Brunei. Seiring dengan perkembangan teknologi kuantum, sesi konsultasi ini akan memperkenalkan pelan hala tuju nasional CSB untuk peralihan kepada kriptografi yang tahan terhadap ancaman komputer kuantum. Pihak berkepentingan daripada kerajaan, sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal (CII) dan institusi akademik akan menyumbang kepada perbincangan mengenai kesiapsiagaan kriptografi NBD pada masa hadapan.

Program selanjutnya iaitu Cabaran Pecutan Inovasi UTB di mana melalui program ini ia akan menampilkan kreativiti dan daya

cipta belia Brunei, Cabaran Pecutan Inovasi UTB akan menentang projek inovasi yang dibangunkan oleh pelajar daripada institusi pengajian tinggi dan institusi teknikal. Pameran terbuka serta majlis penyampaian anugerah akan mengiktiraf projek-projek cemerlang berdasarkan inovasi, impak dan potensi pengkomersialan.

Seterusnya, Agentic Coding 101 di mana bengkel praktikal ini memperkenalkan peserta kepada bidang baharu pengaturcaraan berasaskan agen (*agentic coding*), yang menunjukkan bagaimana Kecerdasan Buatan (AI) boleh berfungsi sebagai rakan kolaboratif dalam pembangunan perisian. Peserta akan memperoleh pengetahuan praktikal mengenai aliran kerja pembangunan yang dipacu AI serta alat yang dapat meningkatkan produktiviti.

Selanjutnya, Program Mulakan Perjalanan Pematuhan Akta Keselamatan Siber Awda Hari Ini di mana program ini direka khusus untuk organisasi Infrastruktur Maklumat Kritikal (CII), bengkel teknikal ini akan membimbing peserta melalui pelaksanaan praktikal keperluan pematuhan di bawah rangka kerja peraturan CSB, membantu organisasi menterjemahkan kewajipan perundangan kepada tindakan yang boleh dilaksanakan.

Kemudian, Program Permudahkan Perjalanan ISMS Awda - Mari Laksanakannya Bersama NSI. Sesi persidangan ini menghimpunkan profesional keselamatan siber, pengawal selia, pegawai pematuhan dan pemimpin industri untuk membincangkan tadbir urus, pengurusan risiko dan pematuhan. Peserta akan meneroka amalan terbaik dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), daya tahan digital dan tadbir urus

keselamatan.

Pengisian program diteruskan dengan Klinik Kebersihan Siber : 5 Tonggak Cyber Essentials untuk PKS Brunei. Direka khusus untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), klinik interaktif ini akan memperkenalkan asas-asas keselamatan siber yang praktikal melalui senario dunia sebenar dan latihan simulasi. Peserta akan mempelajari cara memperkukuh amalan kebersihan siber dan meningkatkan daya tahan organisasi terhadap ancaman siber.

Akhir sekali, Program Memandu Masa Depan Siber dan Digital Brunei. STACK 2026 mencerminkan komitmen berterusan CSB dalam memperkukuh daya tahan siber

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

negara, membangunkan keupayaan tempatan serta memupuk inovasi melalui kerjasama antara kerajaan, industri dan akademik.

Dengan menghimpunkan kepakaran tempatan dan antarabangsa, acara ini berfungsi sebagai platform untuk menangani cabaran baharu yang muncul, berkongsi amalan terbaik dan menyokong visi NBD sebagai sebuah negara yang selamat serta maju dari segi digital.

PPDB akan adakan Latihan Keselamatan, Tembak Peluru Hidup

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Keselamatan dan Latihan Tembak Peluru Hidup PPDB pada Selasa, 9 Jun 2026, iaitu bagi Latihan Tembak Peluru Hidup bermula jam 7.45 pagi hingga 2.00 petang, manakala Latihan Keselamatan bermula jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Kedua-dua latihan berkenaan akan diadakan bertempat di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Sementara pada Rabu, 10 Jun 2026 akan diadakan Latihan Tembak Peluru Hidup bermula jam 7.45 pagi hingga 2.00 petang, juga bertempat di Kompleks Padang Tembak Polis Diraja Brunei, Simpang 338, Jalan Muara, Kampung Sungai Akar.

Manakala pada Khamis, 18 Jun 2026 akan diadakan Latihan Keselamatan bermula jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari bertempat di Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei, Muara.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihat supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan berkenaan kerana latihan akan dijalankan menggunakan peluru hidup bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

23 BELIA ADAKAN LAWATAN KE BKISHHB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 4
Rancangan Perumahan Negara Panchor

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mukim Mentiri telah menganjurkan Lawatan Sambil Belajar Musim Cuti Penggal Persekolahan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) bagi peserta Program Santunan Kasih Pencinta Yatim serta Belia dan Beliawanis Berserumpun Kawasan 4.

Seramai 23 orang peserta yang berumur 12 tahun ke atas telah mengikuti lawatan tersebut yang bertujuan untuk menambah pengetahuan mengenai sejarah, tamadun dan khazanah warisan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Program ini juga dihasratkan dapat mengisi masa lapang para belia dan beliawanis dengan aktiviti yang berfaedah sepanjang musim cuti persekolahan.

Para peserta berkumpul di kediaman Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Panchor seawal pukul 8.00 pagi sebelum bertolak ke destinasi lawatan pada pukul 8.30 pagi dengan kemudahan bas

yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Turut hadir, Ketua Kampung Kawasan 4, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad dan Awang Md. Jeffrey bin Haji Md. Yusof selaku Pemangku Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Panchor, Mukim Mentiri.

Sepanjang lawatan tersebut, para peserta berpeluang meninjau pelbagai koleksi artifak, manuskrip Islam, bahan sejarah serta pameran yang memaparkan perkembangan dan kegemilangan tamadun Islam.

Di samping itu, peserta turut didedahkan kepada kepentingan memelihara warisan bangsa serta menghargai sumbangan institusi berkenaan dalam memperkasa ilmu pengetahuan dan sejarah negara.

Melalui lawatan ini, para peserta akan memperoleh pengalaman pembelajaran yang bermakna, di samping dapat memupuk minat terhadap sejarah dan kebudayaan Islam serta mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dalam kalangan belia, beliawanis dan masyarakat setempat.



SERAMAI 23 orang peserta yang berumur 12 tahun ke atas telah mengikuti lawatan tersebut yang bertujuan untuk menambah pengetahuan mengenai sejarah, tamadun dan khazanah warisan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Program berkenaan merupakan salah satu inisiatif MPK Berserumpun Kawasan 4, RPN Panchor, Mukim Mentiri dalam usaha melahirkan generasi belia

yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing selaras dengan aspirasi pembangunan masyarakat yang progresif dan sejahtera. Selain itu, program ini juga

diharap dapat melahirkan generasi yang lebih berilmu, berwawasan dan menghargai khazanah warisan Islam yang menjadi kebanggaan negara.

Memperkasa mahasiswa ke arah masa hadapan berdaya tahan, inklusif

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



TUNGKU LINK, Sabtu, 6 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus memperkukuh komitmennya terhadap kelestarian serta pembangunan pemimpin belia yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan menerusi Sustainability Youth Ambassador Programme (SYAP) Training 2026, iaitu sebuah inisiatif peringkat universiti yang direka untuk melengkapi mahasiswa dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kepimpinan bagi menerajui perubahan positif dalam kalangan komuniti mereka serta di peringkat yang lebih luas.

Program selama tiga hari berkenaan yang berlangsung dari 3 hingga 5 Jun 2026 di UBD berkenaan telah dianjurkan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian.

Program berkenaan menghimpunkan seramai 35 mahasiswa yang terdiri daripada Duta Belia Kelestarian, Pemimpin

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG Leaders) serta wakil daripada pelbagai organisasi pelajar di seluruh universiti.

Latihan berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan UBD untuk melahirkan graduan yang bertanggungjawab secara sosial serta dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran kepimpinan dan pengalaman praktikal yang diperlukan bagi menangani cabaran di peringkat global dan tempatan.

Program berkenaan turut menyokong matlamat yang digariskan dalam UBD's Sustainability Masterplan 2025-2030 yang mengintegrasikan prinsip kelestarian merentasi bidang pendidikan, penyelidikan, operasi kampus, tadbir urus serta penglibatan masyarakat.

Sepanjang program berkenaan, para peserta telah mengikuti tujuh sesi interaktif yang memfokuskan kepada kepimpinan kelestarian,

advokasi, pembangunan projek serta penglibatan masyarakat.

Sesi-sesi berkenaan memberikan pendedahan mengenai agenda kelestarian UBD, keutamaan kelestarian Negara Brunei Darussalam (NBD) serta peranan belia dalam memajukan pembangunan mampan.

Para mahasiswa turut digalakkan untuk memperkukuh kemahiran pemikiran kritis, komunikasi dan penyelesaian masalah secara kolaboratif menerusi pelbagai aktiviti praktikal serta sesi perbincangan yang dijalankan sepanjang program berkenaan.

Program tersebut turut menyetujui sumbangan daripada para pakar dan pengamal yang mewakili UBD, Unit Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal Unit), Hibiscus Petroleum, Majlis Belia Brunei (MBB) serta Poni Group, yang telah memberikan pelbagai perspektif kepada para peserta.

Selain itu, para peserta turut menyertai lawatan pendidikan ke RAB Global Green Sdn. Bhd. bagi memberikan pendedahan secara langsung mengenai penyelesaian alam sekitar secara praktikal serta amalan industri yang berkaitan.

Latihan berkenaan diakhiri dengan sesi perbincangan panel yang menampilkan wakil dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Vil-Laju! dan Kytar, yang dikendalikan oleh Timbalan Pengarah Kelestarian UBD, Dr. Sarah Hanaa binti Haji Ahmad Ghazali, sebagai Moderator.

Dalam sesi berkenaan, para pelajar telah membincangkan kepentingan penglibatan belia, kerjasama rentas sektor serta



PROGRAM berkenaan menghimpunkan seramai 35 mahasiswa yang terdiri daripada Duta Belia Kelestarian, Pemimpin Matlamat Pembangunan Mampan (SDG Leaders) serta wakil daripada pelbagai organisasi pelajar di seluruh universiti (atas dan kiri).

inovasi dalam membentuk masa depan yang lebih berdaya tahan.

Pengarah Kelestarian UBD, Dr. Wardah Hakimah binti Haji Sumardi, mengongsikan bahawa program seperti SYAP memainkan peranan penting dalam membentuk mahasiswa yang bukan sahaja berkeupayaan dari segi akademik, tetapi juga mempunyai kesedaran sosial serta berorientasikan tindakan.

Beliau juga menggariskan bahawa pengalaman pembelajaran bermakna di luar bilik darjah membantu para pelajar membina keyakinan, perspektif serta rasa tanggungjawab yang diperlukan untuk memacu perubahan positif di dalam universiti dan juga dalam kalangan komuniti yang lebih luas.

Program berkenaan diakhiri dengan majlis penutup yang telah

disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian), Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi.

Semasa majlis berkenaan, para peserta telah diberikan pengiktirafan atas kejayaan menamatkan latihan dan secara rasmi diterima sebagai sebahagian daripada rangkaian Duta Belia Kelestarian UBD yang semakin berkembang.

Melalui inisiatif seperti SYAP, UBD terus melabur dalam pembangunan kepimpinan belia serta peluang pembelajaran berasaskan pengalaman yang memperkasa mahasiswa untuk menjadi penyumbang aktif ke arah masa hadapan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari bagi NBD serta rantau yang lebih luas.



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
SPA / BPK / SBH / 02 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Pembersihan (Luar) Bangunan
Pejabat Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Selama Satu
(1) Tahun Mulai Pada
1 Ogos 2025 Hingga 31 Julai 2026

Kelas & Kategori:
II, P06

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
8 Jun 2026

**Tarikh Akhir mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis,
18 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
29 Jun 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
SPA / BPK / SBH / 01 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Pembersihan (Dalam) Bangunan
Pejabat Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Selama Satu
(1) Tahun Mulai Pada 6 Oktober
2026 Hingga 5 Oktober 2027

Kelas & Kategori:
II, S02

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
8 Jun 2026

**Tarikh Akhir mengambil
Dokumen tawaran:**
Khamis,
18 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
29 Jun 2026

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
04 / 2026 / 2027
Kerja-Kerja Pembekalan Dan
Pemasangan Kerosakan Siling Di
Ibu Pejabat, Jabatan Perancang
Bandar Dan Desa Termasuk
Cawangan-Cawangan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
05 / 2026 / 2027
Kerja-Kerja Pembekalan Dan
Pemasangan Cermin Gelap
(Tinted) Di Ibu Pejabat, Jabatan
Perancang Bandar Dan Desa
Termasuk Cawangan-Cawangan

**Tarikh Tutup dan Tempat
Pengantaran:**
Sabtu,
20 Jun 2026
Sebelum jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran (E-Dokumen):
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 10

Tajuk Tawaran:
Event Management Services
For Community – Based
Tourism Workshop In
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Nama Projek:
JKP / 08 / 2026
Five Years Term Contract For
Supply, Delivery, Installation And
Maintenance
Of Photocopy Machines And
Associated Supplies For Housing
Development Department

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
9 Jun 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 005 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Untuk Membaiki
Kebocoran Paip Komunikasi Dan
Aghian Di Daerah Temburong
Bagi Tempoh 36 Bulan
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PERTANIAN DAN
AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

JPt / SH / 25 / 2026-2027
To Supply and Deliver Sample
Extraction and Analyses
Consumables For Chemical and
Drug Residue Laboratory

JPt / SH / 26 / 2026-2027
To Perform Preventive
Maintenance For Equipment In
Clinical Chemistry and
Microbiology Laboratories

JPt / SH / 27 / 2026-2027
Provision Of Maintenance
Services For The Department Of
Agriculture and Agrifood Telemetry
System For 1 Year

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 9 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Borang Sebut Harga:
BND7.00



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU /
MED / TA / 6010
Pembelian Vaksin-Vaksin Bagi
Khidmat Perubatan Dan
Kesihatan, Tentera Darat Diraja
Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
**seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa,
30 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS /
J01 / 2026 - 2027
Membekal, Menyediakan
Dan Mengemas Jamuan
Bagi Majlis Penghargaan
Pelajar-Pelajar
Cemerlang
Kementerian Hal Ehwat Ugama,
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1447H / 2027M

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JBKBS / GP / TI / 2026 (2)
Pengurusan Dan Pengendalian
Gerai Perayaan Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Ke-80 Bagi Daerah
Belait Tahun 1447H / 2026M.

Yuran Tawaran:
BND20.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 11.30 Pagi.





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0007 / 2026 / 2027

Mencetak Dan Membekal Buku-Buku Dan Jurnal-Jurnal Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press April 2026

UNISSA / SB0008 / 2026 / 2027

Supply And Delivery Of Laboratory Grade Chemicals For Creates Research Project Titled "Improving Soil Quality, Paddy Yield And Paddy Farmers' Profit Using Organic Conditioners From Chicken Dung (Unissapaddy-21)"

UNISSA / SB0009 / 2026 / 2027

Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) Bagi Alat Makmal Heal Force UPW System Di Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina (PMSIS), Kampus Sinaut, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0010 / 2026 / 2027

Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Rujukan (Fizikal & E-Book) Fakulti Sains Halal Dan



Pelancongan Mampan (FSHPM), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0011 / 2026 / 2027

Mencetak Dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan Sempena Majlis Mahrajan Hafli Al-Takharruj Ke-16 Dan Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-16 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2026

Tarikh Tutup Tawaran: Rabu, 10 Jun 2026 Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 43 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pengibar Bendera (Acara Kemuncak)

DA / JKSH / 44 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Dan Petugas Yang Terlibat (Raptai Dan Acara Kemuncak)

DA / JKSH / 45 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Sarapan

Pagi Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pengibar Bendera (Acara Kemuncak)

DA / JKSH / 46 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Sarapan Pagi Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Dan Petugas Yang Terlibat (Raptai Dan Acara Kemuncak)

DA / JKSH / 47 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Benteng, Brunei Darussalam Red Crescent Walking Team Dan Pemandu Bas (Acara Kemuncak)

DA / JKSH / 48 / 2026 / 2027 [BPPA-MEI-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Makanan Bagi Istiadat Barisan Kehormatan Sempena Memperingati Hari Puja Usia Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2026 Bagi Pasukan Kecemasan



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Rujukan Iklan: 01 / 2026

Jawatan Kosong: Pegawai Projek Sukan (Kontrak) Jabatan Belia Dan Sukan B.2 EB.3

Kekosongan: Satu (1)

Tarikh Tutup Permohonan: 13 Jun 2026



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan

Notis Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran: (01/26) KPN / DPKSM / PROC / 2026-2028

Pembekalan Barang Pejabat, Barang Dapur Dan Pencuci Kenderaan Kementerian Pembangunan Selama Dua (2) Tahun (2026-2028)

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Tawaran: BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka: Rabu, 20 Mei 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran: Sabtu, 6 Jun 2026

Tarikh Tutup: Selasa, 9 Jun 2026 Jam 9.00 Pagi



(Raptai Dan Acara Kemuncak)

Bayaran Yuran Sebut Harga: BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu: Sabtu, 13 Jun 2026 Jam 9.00 Pagi

Bilangan Sebut Harga: KKBS / OBB / F-003 (04-2026)

Tajuk Sebut Harga: Membekal Peralatan Dan Perkakas Air Bagi Mengendalikan Kegiatan / Aktiviti Di Outward Bound Brunei Darussalam (OBB), Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga: Khamis, 25 Jun 2026 Jam 2.00 Petang



RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga: RTB / K / 22 / 26-27

Supply And Delivery Of Portable Hard Disk Drives

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga: RTB / K / 23 / 26-27

Supply And Delivery Of SDI Audio Monitoring For Playout Centre

Bayaran Yuran: BND5.00

(Tidak Dikembalikan) (termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas: BND5.00

(ika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup: Rabu, 10 Jun 2026 Jam 2.00 Petang



PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

(01) NDMC / TSH / 2026-2027 Sebut Harga Menyewa Fasiliti (Dewan Dan Bilik) Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

(02) NDMC / TSH / 2026-2027 Perkhidmatan Jamuan Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

(03) NDMC / TSH / 2026-2027 Sebut Harga Pembelian Barang-Barang Keperluan Peralatan Tulis Dan Kelengkapan Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

(04) NDMC / TSH / 2026-2027 Sebut Harga Pembelian, Penghantaran Dan Pemasangan Sistem TV Conference Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

(05) NDMC / TSH / 2026-2027 Sebut Harga Pembekalan Interactive Tabletop Display System Bagi Kegunaan Semasa Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

(06) NDMC / TSH / 2026-2027 Sebut Harga Pembelian, Penghantaran Dan Pemasangan Sistem Virtual Conference Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu, 10 Jun 2026 Jam 2.00 Petang





**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / QSTOR / 005 / 2026**

Membekalkan Perhiasan Dan Alat Peragaan Persembahan Bagi Peserta Persembahan Khas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / QSTOR / 006 / 2026**

Membekalkan Bunga Hidup Dan Artificial Bagi Hiasan Bilik-Bilik Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / QSTOR / 007 / 2026**

Menjahit Dan Membekalkan Pakaian Peserta Persembahan Khas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**BIRO
MENCEGAH RASUAH**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran
BMR / SH / 08 / 2026 / 2027**

Tawaran Pemeliharaan Landskap Dan Pemetongan Rumput Kawasan Ibu Pejabat Dan Bangunan Baharu Biro Mencegah Rasuah.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 11.00 Pagi



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 33 / 26 - 27
Supply, Delivery, Installation, Testing & Commissioning Of Fiber Optic Network Enhancement Along Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 35 / 26 - 27
Supply, Fabricate, Install & Dismantle Neon Tube Light On Platform; Transporting, Install & Dismantle Of Acrylic Flooring Sheets; Fabricate & Supply Custom Trophies For TV Programme.

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 36 / 26 - 27
Pembuatan, Pembekalan, Pemasangan Dan Pembongkaran Backdrop Set Serta Penyewaan Skrin LED

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 37 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Unit Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 38 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 39 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 40 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Yuran:

BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga

RTB / K / 32 / 26-27
To Supply And Deliver Conference Microphone System

Bayaran Yuran:

BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
10 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

JPKK / LTK2627 / T01-ADM
Rental of the Supply, Delivery and Installation Of Audio Visual Equipment and Related Accessories for The 2026 Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) Annual Meeting And Technical Assistance and Training Forum, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup / Jam:

Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Tempat Menghantar Tawaran:

Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1,
Bangunan Kementerian
Kewangan
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

05 / 2026 / KKBS / PPB / 03
Kontrak Penggal 12 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Basah Bagi Latihan Praktikal Kursus Kemahiran Seni Kulinari Dan Bankuet Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

05 / 2026 / KKBS / PPB / 04
Kontrak Penggal 12 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Kering Bagi Latihan Praktikal Kursus Kemahiran Seni Kulinari Dan Bankuet Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

08 / JUNE / 2026 / KKBS / PJK / 16.91
Four (4) Months Term Maintenance Works For Gate Barrier At Ministry Of Culture, Youth And Sport's Building

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis, 18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

05 / 2026 / KKBS / PPB / 02
Twenty Four (24) Months Term Contract For General Pest Control Services To Youth Development Centre Premise / Compound, Ministry Of Youth, Culture And Sport, Tanah Jambu Main Road, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis, 11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERDANA MENTERI

**Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Rujukan dan
Tajuk Sebut Harga:**

JPP / 1 / 3 / 16 / 1 / 26-27
Penerbitan Video dan Grafik bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

**Bilangan Rujukan dan
Tajuk Sebut Harga:**

JPP / 1 / 3 / 16 / 2 / 26-27
Pembuatan & Merekabentuk Piala bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

**Yuran Sebut Harga
(E-dokumen):**

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran dan
Keterangan Projek:**
14 / BBS / SH / 2026 – 2027
(RE-Q)
Pembaikan Elektrik Dewan
Persidangan, Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria,
Jalan Mckerron, Kuala Belait

Kategori:
E01 / Pemasangan Pendawaian
Elektrik

Kelas:
Kelas 1

Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
10 / DBP / SH / 2026-2027
Penyediaan Dan Pemasangan
Reruai, Kelengkapan Dan
Keperluan Pesta Buku Brunei
2026 (Re-Tender)

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
11 / DBP / SH / 2026-2027
Khidmat Pengawal Keselamatan
Pesta Buku Brunei 2026
(Re-Tender)

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
12 / DBP / SH / 2026-2027
Penyediaan Dan Pemasangan
Kain Rentang Dan Gegantung
(Vertical Banner)
Bulan Bahasa 2026
(65 Tahun Penubuhan Dewan
Bahasa Dan Pustaka)

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 23 Jun 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 30 Jun 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T025 / 2025 (R)
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Menuju
Jambatan Edinburgh Termasuk
Jalan Makam Kubah Diraja Dan
Batu Satu Interchange,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

No. Projek:
JASTRE / BL / T025 / 2025 (R)

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00 (Non Refundable)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning
Of Air Traffic Service Switching
System For The Air Traffic
Services Centre,
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2026 / LTK-03

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin, 18 Mei 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin, 15 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0013 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Raw Sea
Water To Serasa Pump Station,
Pantai Serasa,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0014 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
General Repair Works
At Bunglow House No.F12,
Jalan Pahlawan,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of
Personal Protective
Equipment (PPE) For Marine
Resources Survey

Tarikh Tutup:
Khamis,
11 Jun 2026



Bilangan dan Tajuk tawaran:
The Supply And Delivery Of
Isatphone Prepaid Subscription
Services
And Annual License Fee For
Search And Rescue Operation,
Department Of Civil Aviation
ATELS / 2026 / SH-11

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga:**
Selasa, 16 Jun 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 17 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Sijil ROCBN 16 / 17
Pembekal / Ejen Kenderaan
Komersial Berdaftar di Negara
Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
07 / 2026 / 2027
Membekalkan Satu (1) Unit
Kenderaan Van (High Roof)
Dengan Muatan Sembilan (9)
Orang (Automatic Diesel Engine)

Tarikh Tutup :
Selasa,
30 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran (E-Dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran
Bagi Perbekalan
Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
02 / 2026-2027
Tawaran Khidmat Pengawal
Keselamatan Seramai 4 Orang
(2 Orang Per Shift) Selama 24
Jam Sehari Untuk Menjaga
Bangunan Baharu Bekas Telbru,
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas Bagi Tempoh 1 Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 20 / 2026 / 2027
(JPPE-JUN-2026)**
Three Years Term Contract For
Treatment And Extermination Of
Termites To Primary Schools,
Secondary Schools And
Offices In Tutong District,
Ministry Of Education,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
Tidak Terhad
(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
KPB05

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen Tawaran:**
Rabu,
17 Jun 2026

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
23 Jun 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Raw Sea
Water Pump At Keramat Seawater
Pump Station, Tutong,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Replace, Supply And Install
Outboard Motor And Related
Accessories For Boat Tangat
BG0279,
Department Of Fisheries





KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1678) / 2026 / HTD (B9)

To And Deliver Spare Parts For Portable Suction Machine, Brand: Mg Electric For Department Of Dental Services. Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1679) / 2026 / HTD (B9)

To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Kavo Dental Handpiece Cleaner,


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Bilangan dan Tajuk Tawaran:

(39) JBS / ADM / QC / 2026
Rewinding and Repair Water Pump Motor Including Replace All Faulty Parts and Components to Aquatic Centre (Swimming Pool), Tutong Sports Complex Pump House System

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

(40) JBS / ADM / QC / 2026
Twelve (12) Months Term Contract for General Pest Control Services at Tutong Sports Complex
1. Multipurpose Hall
2. Track and Field And
3. Aquatic Centre

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

(41) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for A Period of Thirty – Six (36) Months for Hassanal Bolkiah National Stadium

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

(42) JBS / ADM / QC / 2026
Rooftop Repair and Cleaning of The Led Scoreboard Display System at Hassanal Bolkiah National Stadium

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

(43) JBS / ADM / QC / 2026
Annual Preventive Maintenance and Support Services for Closed-Circuit Television (CCTV) System at Hassanal Bolkiah National Stadium

Bayaran Yuran Tawaran:

BND5.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Model: Quattrocare 2104A, BME5988 (S/N: 1119427) At National Dental Centre Block A, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1680) / 2026 / HTD (B8)

To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Two (2) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1800(S/N: FB1410017) For Room 5 And Bme1337 (S/N: FB12K0123) For Room 1 At Suri Seri Begawan Hospital, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1681) / 2026 / HTD (B9)

To Supply And Deliver Spare Part For Newmed Midmark Autoclaves Model: Dentisure B18 For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 49 / 2026

1.) Diazepam 2mg oral solid preparation preferably tablet - Qty: 30 x 50's
2.) Premix Potassium Chloride 20mmol in water for injection for intravenous use in 100ml bag (preferably with a good shelf life of at least 18 months) - Qty: 500 x 100ml

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 50 / 2026

1.) Diazepam 5mg/ml x 2ml - Qty: 50 x 10's
2.) Isoprenaline or isoproterenol injection 0.2mg/ml in 5ml ampoule - Qty: 10 x 10's

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 51 / 2026

1.) Lamotrigine 5mg dispersible tablet as Lamictal or its equivalent - Qty: 400 x 30's
2.) Coal tar solution BP (liquor Picis Carbonis) - Qty: 25 x 1 liter

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 52 / 2026

1.) Emulsifying Wax - Qty: 400 x 500g
2.) Disodium pamidronate injection 30mg - Qty: 90 vials

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 53 / 2026

Adrenaline 1mg/10ml (1:10,000) injection in Prefilled Syringe - Qty: 60 x 10's


**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPM / PROC / 2026 / <50K / 003 (RPHL) – IKN

Invitation To The Provision Of Venue And Meeting Packages (Inclusive Of Refreshments) For RPHL Network Annual Partnership Forum 2026 For The Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPM / PROC / 2026 / <50K / 002 (ADM) - IKN

To Supply And Deliver Double Wall Corrugated RSC Brown Box With Printing For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1622) / 2026 / HTD (A20)

One Off Preventive Maintenance Services For Five (5) Units Of Foss Equipment At Food Chemistry, Department Scientific Services

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1683) / 2026 / HTD (B9)

To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Water Distiller, Brand: GFL, Model: 2008, BME1851 (S/N: 11299215) At Berakas Health Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1682) / 2026 / HTD (B9)

One-Off Preventive Maintenance For One (1) Unit Of Dental Chair Complete System, Model: Compact i5, S/N: UPCV574500 At Istana Nurul Izzah Clinic

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1674) / 2026 / HTD (B4)

To Repair One (1) Unit Of Ultrasound, Brand: Ge Healthcare, Model: LOGOQ V5 Expert At Icu 2, RIPAS Hospital

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1673) / 2026 / HTD (B4)

Trade In Medilog Ar Holter Recorder At Heart Centre, RIPAS Hospital (WO:2026-10625)

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1648) / 2026 / HTD (B8)

Supply And Deliver Of Vital Sign Accessories For Brand: Creative Medical, Model Pc-900plus For Biomedical Engineering Section, RIPAS Hospital

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1592) / 2026 / HTD (A20)

One Off Preventive Maintenance Services For Two (2) Units Of Biotiek Absorbance Microplate Readers At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

DSS / HS / PROC / B50K / 2026-2027 / 014 (ENV)

To Supply And Deliver Anions Standard Solution (Clustering) To Environment Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

MOH / HPC / QTN / 26-27 (02)
The Management And Operation Of HPC Cafe For Health Promotion Center (HPC), Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years (Rental)

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(57) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Office Chairs For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(58) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

To Transfer Of Esco Laminar Flow Cabinet, Model IVF-4A1, SN: 2009-39370 At Clinical Chemistry Lab And Airtech Biosafety Cabinet, SN: JZ2021073498 At Microbiology Lab At Suri Seri Begawan, Kuala Belait

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(14)IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / PAEDIATRIC

DEPARTMENT
Supply And Delivery Of Medical Consumables For (Neonatal Unit) Paediatric Department At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

DSS / HS / PROC / B50K / 2025-2-26 / 021 (PCY)

To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of PH/ISE Meter For Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(03) PPN / QTN / 2026 (LAB)

Supply And Delivery Of Laboratory Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

11 / QTN / JPK / 2026

Upgrading Work For New Water Tanks (For Domestic & Fire Hosereel) And Pipe Rerouting Works,

Pengkalan Batu
Health Centre

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

DSS / AQ / PROC / B50K / 2025-2-26 / 004 (QC)

To Supply, Deliver, Test And Commission Four (4) Units Calibrated Temperature, Humidity And Pressure (THP) Data Loggers With External Sensors For Quality & Compliance Section, Department Of Scientific Services

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

MOH / HPC / QTN / 25-26 (03) / GA

To Supply, Delivery And Commission Point-Of-Care Glucose Strips, Cholesterol Strips And General-Purpose Lancets For Health Promotion Centre For A Period Of Two (2) Years - Clustering

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

BME / A2K / (1685) / 2026 / HTD (B9)

To Supply, Delivery And Install Spare Parts For Four (4) Units Of Autoclave, Brand: Midmark, Model: Dentisure, BME29622 (S/N: DB1NCJ1409), BME25801 (S/N: DB1NCJ1396), BME23007 (S/N: DB1NCJ0090), BME25747 (S/N: DB1NCJ1386) And BME23010 (S/N: DB1NCJ0093) For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(04) PPN / QTN / 2026 (LAB)

Supply And Delivery Of Laboratory Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

10 / QTN / JPK / 2026

Supply And Delivery Of Two Thousand (2,000) Pieces Of Wound Measurement Paper Ruler For All Health Centre, Department Of Health Services

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(56) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

PU Injection Grouting Works To 3rd Floor Lobby Hallway Ceiling Slab, MOH Hq, Ministry Of Health

Yuran Sebut Harga:

BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Sabtu, 20 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


MAKLUMAN
**TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**
PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



IMBASAN MINGGUAN

SUASANA semasa kepulangan jemaah haji yang amat dinanti-nantikan oleh ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai sudah setentunya saat yang amat menggembirakan bagi mereka. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SAAT yang amat mengharukan dan momen yang paling menggembirakan kerana dapat kembali bersama para keluarga tercinta yang selamat kembali daripada menunaikan ibadah haji. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN penerima daging korban yang berlangsung di Masjid Kampung Sungai Besar, Jalan Kota Batu sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha, sekali gus Majlis Pengagihan Daging-daging Korban Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) bersama anak-anak syarikatnya. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

ANTARA jemputan yang hadir pada Majlis Ibadah Korban Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat yang diselenggarakan dengan Ceramah Khas. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



AKSI para pemain pada perlawanan timbal balik pertama dalam saingan kelayakan playoff Piala Hyundai ASEAN 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.

SALAH satu Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas oleh Special Operations Command (SOCOM) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta unit-unit di bawahnya semasa Upacara sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-65 yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.



الخوارزمي، باف الكيبرا

Oleh : Busyra Haji Abdul Hafeiz dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan

تاهون ١٨٥١م، بوكو اين تورت
دترجمهكن كدالم بهاس ايشكريس،
سكاليجوس مملولواس فقاروه كاريا اين
كدنيا بارت.

دالم بيدغ علمو فلك، الخوارزمي
مفحاصيلكن بيراف كاريا فنتيغ انتاران
عمل الأسطراب دان جدول النجوم
وحرکاته. سمنتارا دالم بيدغ جيوجرافي، بلياو
منوليس بوكو برتاجوق تقويم البلدان دان
صورة الأرض. دالم كاريا صورة الأرض، بلياو
بوكن سهاج مفاكوي فنداغن بطليموس،
تتافي تورت مفحاصيلكن فئا يغ لبيه
ترفرينجي دان لفكف برينديغ فئا يغ
دحاصيلكن اوليه توكوه يوناني ايت.

كسيمقولن، الخوارزمي مروفاكن
سأورغ علمون إسلام اوغكول يغ
مفهارومكن نام إسلام ملالوئي فيبارن
علمو فغتهاوان يغ مرتس سمفادن دنيا
إسلام. علمو الجبر يغ دأساسكن ماسيه
دگوناكن سچارا ملواس دالم بيدغ ماتماتيک
مودن، مانکالا کاريا بلياو تروس منجادي
رجوعن مشارکت دنيا هيغك كهاري اين.
بيوجرافي ريفكس الخوارزمي تورت
دقاميركن دگالري ٥ دان گالري ٨ دبلاي
خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه،
سباکاي فغيعترافن ترهادف سومبغن بسر
بلياو دالم دنيا علمو.

الخوارزمي تله مرموسکن
کونسيث ٢ نومبور يغ دواريثي درقد تمدون
يوناني، سلاين ممفركنلکن اغک ٢ اينديا
سرتا قاعده فغيران برکاءيتن کفد دنيا
إسلام. سومبغن اين اخبرن ملاهيرکن
سيستم بيلغن عرب يغ دگوناکن سچارا
ملواس هيغك كهاري اين.

سومبغن الخوارزمي تيدق ترحد کفد
بيدغ ماتماتيک سمات-مات. سباکاي گورو
ماتماتيک کفد دنيا ايروقه، بلياو تورت
ممفركنلکن فغگونان secans دان
tangens دالم کاجين تريگونوميترى دان
استرونومي.

ساله ساتو کاريا اگوغ الخوارزمي اياه
الکتاب المختصر في حساب الجبر
والمقابلة، سبواه بوكو دالم بيدغ ماتماتيک
يغ دتوليس سکيتر تاهون ٨٣٠م. کتاب اين
بوكن سهاج ممبينجفکن کونسيث الجبر،
ماله تورت مرغکومي توفيق برکاءيتن
تريگونوميترى سفرتي کوسينوس (Cos)،
سينوس (Sin) دان تگکن (Tan) دالم
فيلساين فرسامان، سرتا فتراغن تنتغ
سکي تیک سام کاکي دان فغيران لواس
بنتوق ٢ گيوميترى سفرتي سکي تیک، سکي
امث دان ليغکن.

کتاب اين کمودينث دترجمهکن
كدالم بهاس لاتين اوليه روبرت دري تشستر
دان جيراردوس دري کرمونه دغن جودول
Liber algebrae et almucabala. فد

ماتماتيک، سرتا مندالمي کاريا ٢ ترجمهکن
دري مانوسکريف سنسکريت دان يوناني.

الخوارزمي تله دلانتيق سباکاي ساله
سأورغ اهلي دبيت الحکمة، سبواه فوست
علمو فغتهاوان دان فترجمهکن ترکنل يغ
جوك برفران سباکاي فرغوستاکان بسر
دبغداد، يغ دأساسکن اوليه خليفة هارون
الرشيد. دباوه فغاوسن حنين بن إسحاق،
سأورغ فترجمه هيت دزمان عباسية، بلياو
ترليت سچارا اکيف دالم منترجمهکن
بوكو ٢ اسيع کدالم بهاس عرب. سکالا
کموداهن دان سوکوغن يغ دسدیاکن دباوه
فمرينتاهن خليفة المأمون تله ممبري رواغ
کفد الخوارزمي اونتوق مفحاصيلکن کاريا ٢
اگوغ، خصوصن دالم بيدغ استرونومي دان
ماتماتيک.

الخوارزمي داغکف سباکاي ساله
سأورغ توكوه فالیغ برفقاروه دالم سچاره
فرکمبغن ماتماتيک. سومبغن بلياو امت
بسر دالم فلباکاي چايغ علمو سفرتي
سيستم نومبور، الكيبرا، سيستم اغک،
گيوميترى، تريگونوميترى، فغيران
فمهاگين هرتا فوساک، استرونومي دان
گيوجرافي سهيفگاکن بلياو داغکف علمون
إسلام فرتام يغ مفبغکن تيوري نومبور
دالم بيدغ ماتماتيک سچارا سيستماتيک.

الخوارزمي، توكوه علمون، محمد بن موسى
الخوارزمي اين مروفاکن سأورغ فمودا فرسي
يغ براصل دري کوفه، العراق. بلياو
دلاهيرکن فد تاهون ١٦٤هـ/٧٨٠م
دخوارزمي (کيني دکلي سباکاي
أوزبکستان) دان منيغکل دنيا فد تاهون
٢٣٢هـ/٨٤٧م دبغداد.

الخوارزمي لبيه دکلي دغن گلرن
باف الكيبرا کران بلياو مروفاکن اينديويدو
يغ ممفركنلکن دان مفبغکن کونسيث
الکيبرا سچارا سيستماتيک. ددنيا بارت،
بلياو دکلي دغن فلباکاي نام سفرتي
Algorithm، Algorismus اتاو
Algoritma يغ منجادي اساس کفد
ايتيله مودن algorithm يغ مهابوا
مقصود ديگيت اتاو اغک. بلياو اياه سأورغ
توكوه إسلام يغ برفقهاوان لواس دان
ماهير دالم فلباکاي بيدغ سفرتي ماتماتيک،
استرونومي، استرولوجي، کجوروتراغن،
سچاره إسلام، کيميا، گيوجرافي سرتا
فلسفة.

الخوارزمي منريما فنديديقن ديهگين
سلتن کوتا بغداد، العراق ستله کلوارکن
برفينده دري کامفوغ هلامن. دسان، بلياو
ممفلاجري فلباکاي علمو، تراوتامن دالم
بيدغ سائينس سمولا جادي دان



Hari Laut Sedunia : Bersama menjaga kesejahteraan laut negara

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh, Penempatan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Poni Divers

LAUT merupakan bahagian penting daripada alam semula jadi dan meliputi sebahagian besar daripada permukaan bumi. Ia juga memainkan peranan besar dalam kehidupan manusia dan keseimbangan alam sekitar. Oleh itu, laut perlu dipelihara daripada pencemaran dan kemusnahan supaya manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan. Hari Laut Sedunia yang diadakan pada 8 Jun setiap tahun adalah bagi meningkatkan kesedaran global mengenai pentingnya memelihara kesejahteraan dan kehidupan ekosistem marin serta menjaga kelestarian laut bersama dengan kawasan persisiran. Negara Brunei Darussalam (NBD) juga turut menyambut Hari Laut Sedunia yang dinamakan sebagai 'Ocean Week Brunei' (Minggu Lautan Brunei). Ia diadakan dengan sokongan daripada pelbagai pihak dan agensi termasuk pihak jabatan kerajaan dan perwakilan asing serta penyertaan daripada orang ramai.

Matlamat Sambutan Hari Laut Sedunia

Sambutan ini bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap masyarakat mengenai pentingnya menjaga kesejahteraan dan memelihara ekosistem laut. Ekosistem laut ialah sistem semula jadi yang melibatkan semua kehidupan akuakultur laut seperti ikan, tumbuhan laut dan sebagainya. Ini juga termasuk pelbagai habitat seperti pantai, terumbu karang dan laut dalam. Menjaga kesejahteraan ekosistem laut di NBD adalah sangat penting kerana ia merupakan sumber pemakanan dan pendapatan untuk masyarakat seperti

ikan, udang, kerang dan sebagainya. Di samping itu, ia juga merupakan satu sumber pertumbuhan ekonomi negara kerana ekosistem laut dapat membantu negara untuk menghasilkan produk-produk tempatan serta untuk pasaran ke luar negara.

Pencemaran laut

Pencemaran laut adalah salah satu punca yang mendatangkan kerosakan dan memusnahkan habitat serta ekosistem laut. Antara punca pencemaran laut ialah pembuangan sisa sampah seperti plastik, bahan cecair yang mengandungi racun dan sebagainya yang boleh menyebabkan kerosakan laut malah mencetus pelbagai penyakit terhadap akuakultur laut. Selain itu, pencemaran laut juga berlaku daripada aktiviti masyarakat yang mengabaikan pentingnya menjaga kebersihan laut dan limpahan cecair dari kilang yang tidak bertanggungjawab mengakibatkan kemusnahan terhadap habitat ekosistem laut. Oleh itu, pencemaran laut haruslah diambil perhatian oleh mana-mana pihak yang berkenaan serta masyarakat setempat bagi menangani pencemaran dan memelihara kelestarian laut.

Peranan pihak kerajaan, pelbagai agensi

Menjaga keamanan laut adalah sangat penting agar ia terhindar daripada perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab seperti pemburuan binatang terancam atau penangkapan ikan secara haram. Pelbagai inisiatif telah dilakukan dari pihak

kerajaan demi menjaga kesejahteraan laut antaranya ialah pemantauan di kawasan sempadan dan persisiran laut NBD. Program atau seminar mengenai kesedaran dan kepentingan menjaga laut diadakan di sepanjang minggu sambutan bagi memberi peringatan dan pengajaran tentang menjaga kesejahteraan laut. Ini selaras dengan United Nations Sustainable Development Goal (SDG) 14 iaitu 'Life Below Water' atau Kehidupan Bawah Air, untuk memastikan laut dan hidupan marin terus terpelihara agar sumber laut dapat dinikmati secara mampan oleh generasi masa depan.

Terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang acara Sambutan Minggu Laut Brunei bagi memupuk semangat cintakan keindahan dan kebersihan laut NBD. Pihak agensi bukan kerajaan (NGO) juga mengadakan kempen kebersihan dan pemantauan di kawasan pesisir pantai sebagai satu inisiatif bagi memberantas daripada berlakunya kegiatan yang tidak bermanfaat di kawasan pesisiran dan laut. Ini bertujuan bagi menjaga kebersihan kawasan pesisiran daripada sampah-sarap yang hanyut dan terdampar ke kawasan laut. Selain itu, aktiviti pembuatan dan penanaman takat tiruan bagi membina semula habitat dalam air yang sudah mengalami kerosakan sebagai satu inisiatif bagi pemuliharaan dan menaik taraf habitat marin yang sudah musnah. Ini membuktikan kesedaran tentang kepentingan menjaga habitat marin untuk menghindari daripada kepupusan haiwan marin serta menjaga keunikan dan identiti laut.

Laut sumber tarikan pelancong

Laut yang bersih dan sejahtera menjadi sumber tarikan pelancong terhadap

keindahan marin negara. Laut dan kawasan sekitarnya yang indah dipandang akan menarik perhatian pelancong untuk membuat lawatan dan menjadi ristaan terhadap pelancong malahan menjadi bualan terhadap masyarakat luar negara. Ekosistem laut yang kaya dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan dan kepelbagaian spesies haiwan akan memberi peluang kepada pelancong untuk melihat spesies yang unik dan jarang ditemui. Tambahan pula, ia akan menjadi aktiviti rekreasi bagi pelancong seperti *snorkeling*, menyelam dan pemerhatian hidupan liar. Justeru, memelihara kelestarian ekosistem laut memerlukan komitmen dan kerjasama orang ramai kerana ia boleh mendatangkan manfaat terhadap negara dan masyarakat. Ekosistem yang bersih dan aman akan menjadi tarikan pelancong luar dan dalam negara dari segi keunikan dan kebersihannya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Hari Laut Sedunia memberi kesedaran dan membuka minda terhadap masyarakat kerana ia menyokong kehidupan di bumi dan mengekalkan keseimbangan alam sekitar. NBD menaik taraf lautan sebagai tunjang utama kepada sektor marin dan perikanan. Laut yang bersih berperanan penting dalam menjamin keselamatan makanan, menyediakan sumber pendapatan, membuka peluang ekonomi dan menjadi pemangkin kepada sektor perdagangan serta pembangunan negara. Oleh itu, masyarakat diingatkan agar sentiasa bekerjasama dalam menjaga kelestarian laut dan persekitarannya demi kebersihan dan kesejahteraan negara yang tercinta.





LOS ANGELES, 6 Jun. - Kes campak di Amerika Syarikat (AS) melepasi 2,000 kes bagi tahun kedua berturut-turut, menurut data

KES CAMPAK DI AS LEPASI 2,000 UNTUK TAHUN KEDUA BERTURUT-TURUT

dikeluarkan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS pada Jumaat, lapor Xinhua.

Dalam kenyataan media, CDC memaklumkan sebanyak 2,030 kes campak disahkan telah dilaporkan di seluruh negara

setakat tahun ini.

Agensi itu melaporkan 30 wabak baharu pada 2026, dengan 93 peratus daripada keseluruhan kes disahkan dikaitkan dengan wabak. Kira-kira 72 peratus kes melibatkan individu berusia

bawah 20 tahun.

Kadar kemasukan ke hospital dicatatkan sekitar enam peratus pada 2026, menurun daripada 11 peratus pada 2025.

Tahun lalu, AS merekodkan sebanyak 2,288 kes campak

disahkan, jumlah tahunan tertinggi sejak penyakit itu diisytiharkan berjaya dihapuskan di negara itu pada 2000 serta angka tertinggi dilaporkan dalam tempoh lebih tiga dekad. - ©BERNAMA

Badan Penasihat UNESCO syor tapak Asuka-Fujiwara Jepun disenarai Warisan Dunia

TOKYO, 6 Jun. - Badan penasihat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mencadangkan beberapa tapak purba di Wilayah Nara yang memaparkan pembentukan negara berpusat Jepun disenarai dalam Senarai Warisan Budaya Dunia, menurut agensi hal ehwal kebudayaan negara itu pada Sabtu.

Kyodo News melaporkan keputusan rasmi mengenai

'Asuka-Fujiwara : Tapak Arkeologi Ibu Kota Purba Jepun dan Harta Berkaitan' dijangka dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO di Republik Korea dari 19 hingga 29 Julai.

Jika didaftarkan, Jepun akan mempunyai 27 Tapak Warisan Dunia, terdiri daripada 22 tapak budaya dan lima tapak semula jadi.

Kelompok Asuka-Fujiwara merangkumi 19 tapak arkeologi yang wujud dari akhir abad keenam hingga awal abad kelapan.

Antara tapak utama termasuk runtuhannya istana berkaitan pembinaan awal negara, tinggalan ibu kota penuh pertama Jepun, runtuhannya kuil Buddha serta makam purba, termasuk satu yang terkenal dengan mural berwarna terang.

Tapak berkenaan menunjukkan proses kemunculan dan pembentukan sistem politik berpusat Jepun dalam latar hubungan rapat dengan Republik Rakyat China dan Semenanjung Korea. - ©BERNAMA

Gempa bumi berukuran 5.3 magnitud gegarkan beberapa bahagian Bicol, Republik Filipina

LEGAZPI CITY, 6 Jun. - Gempa bumi berukuran 5.3 magnitud menggegarkan Wilayah Bicol pada 9.57 malam Jumaat, lapor Agensi Berita Filipina.

Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (Phivolcs) mengesan pusat gempa pada kedudukan 15 kilometer ke selatan Santo Domingo, Albay, dengan kedalaman sembilan kilometer.

Gegaran pada Intensiti V dirasai di Sto. Domingo dan Legazpi City, Albay; manakala Intensiti IV dirasai di Tabaco City, Ligao City, dan pekan Malilipot di Albay, serta di Cogon, Irosin, dan Donsol di Sorsogon.

Sementara itu, Intensiti III dirasai di Naga City dan Malinao di Albay, serta di Sorsogon City, Prieto Diaz, dan Juban di Sorsogon; dan Intensiti II dirasai di Goa, Camarines Sur dan Bulan, Sorsogon.

Phivolcs menyatakan bahawa kedua-dua gegaran susulan dan kerosakan dijangka berlaku akibat gempa bumi berkenaan. - ©BERNAMA

Jamaica alami gangguan bekalan elektrik seluruh pulau

MEXICO CITY, 6 Jun. - Gangguan bekalan elektrik di seluruh pulau melanda Jamaica pada Jumaat malam berikutan kegagalan sistem, menurut pegawai negara itu dan syarikat utiliti kuasa, lapor Xinhua.

"Gangguan bekalan elektrik di seluruh pulau," kata Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pengangkutan Daryl Vaz dalam satu hantaran di platform X, sambil

menambah bahawa beliau sedang menunggu maklumat terkini daripada Presiden Syarikat Perkhidmatan Awam Jamaica (JPS), yang sedang dalam perjalanan ke pusat kecemasan utiliti berkenaan.

Media tempatan melaporkan gangguan berlaku di beberapa paroki, menjejaskan bekalan elektrik di pelbagai kawasan.

Sejurus selepas hantaran Vaz,

JPS menyatakan bahawa ia sedang mengambil langkah untuk memulihkan bekalan kuasa kepada pengguna 'secara berperingkat dan mengikut kaedah yang ditetapkan'.

JPS tidak memberikan butiran lanjut dengan segera mengenai punca kegagalan sistem tersebut mahupun tempoh masa untuk pemulihan sepenuhnya. - ©BERNAMA

Pencapaian bersejarah Skim Erasmus, 1 juta pelajar Republik Persekutuan Jerman ke luar negara

BERLIN, 6 Jun. - Seramai satu juta pelajar dari Republik Persekutuan Jerman telah melanjutkan pengajian ke luar negara menerusi program pertukaran Kesatuan Eropah (EU), Erasmus, sejak ia dilancarkan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Perkhidmatan Pertukaran Akademik Jerman (DAAD) di Bonn pada Jumaat memaklumkan bahawa angka satu juta itu berjaya dicapai pada musim bunga ini, sekali gus menyifatkannya sebagai satu pencapaian bersejarah yang signifikan. Sepanyol, Republik Perancis dan Republik Itali kekal menjadi antara negara destinasi paling popular bagi para pelajar terlibat sejak bertahun-tahun lamanya.

Erasmus mula diperkenalkan sejak Jun 1987 dan telah disertai oleh lebih 17 juta warga Eropah sejak tempoh berkenaan. Dalam pada itu, sekitar satu juta pelajar antarabangsa dilaporkan telah datang ke Republik Persekutuan Jerman menerusi program pertukaran berkenaan. - ©BERNAMA

7 terkorban dalam letupan lombong arang batu di Tengah Colombia

BOGOTA, 6 Jun. - Tujuh pelombong maut selepas satu letupan berlaku di sebuah lombong arang batu di wilayah Cundinamarca, tengah Colombia, disahkan pihak berkuasa tempatan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Letupan itu berlaku pada petang Khamis di sebuah lombong di perbandaran Sutatausa, menurut media tempatan. Maklumat awal menunjukkan kejadian berpunca daripada pengumpulan gas di bawah tanah.

Pasukan penyelamat dihantar ke lokasi sejurus selepas kemalangan berlaku. Gabenor Cundinamarca Jorge Emilio Rey Angel menerusi media sosial menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan turut mendedahkan nama pelombong yang terkorban.

Beliau berkata Agensi Perlombongan Kebangsaan Colombia akan membuka siasatan rasmi bagi mengenal pasti punca sebenar kemalangan itu. Kemalangan perlombongan bukan perkara luar biasa di tengah Colombia, apabila terdapat pengusaha lombong yang gagal mematuhi sepenuhnya peraturan keselamatan. - ©BERNAMA

Pesuruhjaya Ekonomi EU tolak pelonggaran sekatan terhadap Persekutuan Rusia

RIGA (Latvia), 6 Jun. - Pesuruhjaya Ekonomi Kesatuan Eropah (EU) Valdis Dombrovskis pada Jumaat menegaskan pendiriannya menolak pelonggaran sekatan terhadap Persekutuan Rusia, termasuk ke atas eksport minyak negara itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Jelas bahawa sekarang bukan masa untuk melonggarkan tekanan terhadap Rusia. Kita perlu terus memberi tekanan dan mengenakan

sekatan ke atas Rusia," kata Dombrovskis di luar Mesyuarat Tahunan Bank Eropah bagi Pembinaan Semula dan Pembangunan (EBRD) di Riga.

Pegawai kelahiran Latvia itu berkata langkah berkenaan penting meskipun ia "bukan tugas mudah" memandangkan keputusan dalam EU memerlukan persetujuan sebulat suara.

Bagaimanapun, menurut beliau, terdapat inisiatif daripada beberapa

negara anggota untuk mengenakan sekatan perdagangan tambahan dan sekatan visa terhadap rakyat Persekutuan Rusia. EU setakat ini telah mengenakan 20 pusingan sekatan terhadap Persekutuan Rusia sejak negara itu melancarkan pencerobohan berskala penuh ke atas negara jiran Ukraine pada Februari 2022. - ©BERNAMA

Mauritius hadkan kemasukan warga asing susulan wabak Ebola

PORT LOUIS (Mauritius), 6 Jun. - Kerajaan Mauritius mengenakan larangan sementara kemasukan terhadap warga asing yang pernah melawat, transit atau berada di Republik Demokratik Congo (DRC), Uganda atau Sudan Selatan dalam tempoh 21 hari lalu susulan penularan terkini wabak Ebola.

Rakyat Mauritius dan penduduk asing yang memegang permit kerja, permit pemastautin, permit pekerjaan, permit perniagaan atau permit pelajar yang sah masih dibenarkan memasuki negara itu, namun tertakluk kepada kuarantin

mandatori selama 21 hari sekiranya mereka pernah mengunjungi mana-mana daripada tiga negara berkenaan dalam tempoh tiga minggu sebelumnya.

Menurut Kesatuan Afrika, wabak Ebola di DRC, Uganda dan Sudan Selatan terus menimbulkan ancaman serius terhadap kesihatan awam serantau.

Pihak berkuasa Mauritius turut mewajibkan saringan dan penilaian risiko di pintu masuk negara bagi pengembara yang tiba dari negara terjejas. Mana-mana pengembara yang menunjukkan

simptom penyakit itu akan diasingkan serta-merta dan menjalani penilaian klinikal.

Kerajaan turut menggesa Sidang Kemuncak Perniagaan AS-Afrika Ke-18, yang pada asalnya dijadual berlangsung di Mauritius pada Julai, ditangguhkan.

Wabak Ebola diisytiharkan di DRC dan Uganda pada 15 Mei. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kemudian mengisytiharkannya sebagai darurat kesihatan awam yang membimbangkan antarabangsa. - ©BERNAMA

PLATFORM MELAHIRKAN ATLET BERPRESTASI TINGGI



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, antara yang menyertai pertandingan.

BERAKAS, Sabtu, 6 Jun. - Kejohanan Pencak Silat 2026 Peringkat Kebangsaan antara Skim-skim Jabatan Belia dan Sukan (JBS) berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini, hari ini dengan membuka tirainya dengan Majlis Perasmian dan seterusnya menyaksikan beberapa pertandingan silat yang mengambil tempat sejurus setelah itu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya berkesudian menyempurnakan perasmian Kejohanan Pencak Silat 2026 pada petang tadi, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Acara pembukaan dimulai dengan perbarisan lalu pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, bacaan doa dan diteruskan dengan ikrar

daripada barisan wasit juri dan pesilat yang menyertai kejohanan.

Kejohanan berkenaan yang berlangsung selama tiga hari bermula pada hari ini dan akan berakhir pada Ahad, 7 Jun 2026 berkenaan diharap dapat mencungkil bakat para atlet yang berpotensi untuk diketengahkan bagi mewakili negara pada kejohanan peringkat serantau mahupun antarabangsa pada masa hadapan.

Sebanyak 11 pasukan turut menyertai kejohanan berkenaan, iaitu Skim Brunei Muara 'A', Skim Brunei Muara 'B', Skim Tutong 'A', Skim Tutong 'B', Daerah Temburong, Daerah Belait 'A', Daerah Belait 'B', Sekolah Sukan 'A', Sekolah Sukan 'B', COT JPKK Belait, dan COT JPKK Temburong.

Sebanyak tiga kategori acara dipertandingkan pada kejohanan pencak silat kali ini termasuklah Kategori Pre Junior (10 hingga 13 tahun), Kategori Junior (14 hingga 16 tahun), dan Kategori Senior (17 hingga 21 tahun).

Acara seumpama berkenaan turut diharap dapat melahirkan atlet muda baru yang berbakat untuk menjadi atlet pelapis dan kebangsaan bagi persediaan

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



kejohanan serantau dan antarabangsa pada masa akan datang (SUKMA 2026) selain dijadikan sebagai platform untuk melahirkan atlet yang berprestasi tinggi untuk diberikan latihan secara bersistematik dan

berterusan. Pada masa yang sama, ia juga diadakan bagi memberi kesempatan penambah pengalaman bertanding bagi atlet-atlet muda untuk meningkatkan prestasi mereka.

Cungkil bakat baharu pemain badminton



AKTIVITI Asas Badminton selama tiga hari semasa cuti penggal persekolahan bermula 2 hingga 4 Jun 2026, yang telah diadakan baru-baru ini (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Jun. - Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam

(PBKBD) telah berjaya menganjurkan Aktiviti Asas Badminton selama tiga hari semasa cuti penggal persekolahan bermula 2 hingga 4 Jun 2026, baru-baru

ini. Aktiviti yang diadakan di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara berkenaan merupakan salah satu pengisian di bawah program 'Lakastah Bemain, Cuti Sekolah Jua Ni', dan dibukakan kepada kanak-kanak dan belia berusia 7 tahun hingga 20 tahun.

Seramai 40 peserta menyertai program yang dikendalikan oleh empat jurulatih badminton dari PBKBD.

Para peserta didedahkan kepada latihan-latihan dan pergerakan asas dalam badminton dan turut dimeriahkan dengan pertandingan mini.

Program berkenaan antara lain bertujuan untuk mengisi masa lapang semasa cuti sekolah dengan aktiviti bermanfaat, sekaligus menjadi platform untuk PBKBD mencari bakat-bakat baharu daripada pelbagai peringkat umur, terutama mereka yang mempunyai minat dan bakat semula jadi dalam badminton.



Pemenang kejohanan terima pingat masing-masing



PENGHULU Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan pingat kepada para pemenang kejohanan.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Ahad, 7 Jun. - The Brunei Darussalam National Open, Youth & Veteran Table Tennis Championship 2026 telah berlangsung selama tiga hari bermula 5 Jun bertempat di Kompleks Sukan Tutong, di sini dan kejohanan tersebut dianjurkan oleh Brunei Darussalam Table Tennis Association. Sebanyak tiga kategori dibukakan pada kejohanan berkenaan iaitu Kategori Terbuka, Kategori Remaja dan Kategori Veteran.

Kategori Remaja dibukakan kepada Perseorangan Lelaki dan Perempuan Bawah 12 Tahun (B - 12), Bawah 15 Tahun (B - 15) dan Bawah 19 Tahun (B - 19), selain Acara Beregu dan Beregu Campuran.

Bagi Kategori Terbuka pula, acara yang dipertandingkan ialah Perseorangan Lelaki, Beregu Lelaki, Perseorangan Wanita dan Beregu Terbuka, manakala Kategori Veteran melibatkan kumpulan umur 40-49 Tahun, 50-59 Tahun, 60 Tahun ke atas serta Kategori Gabungan Umur 110 Tahun ke atas.

Seramai 142 peserta telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini, terdiri daripada 113 lelaki dan 29 wanita. Dalam kejohanan ini, peserta muda yang menyertai adalah berusia 6 tahun manakala peserta tertua berusia 82 tahun.

Kejohanan tersebut menerima dari tujuh institusi pendidikan iaitu Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Pusat Tingkatan Enam Belait, Sekolah St. George's Bandar Seri Begawan, Universiti Brunei Darussalam dan Jerudong International School.

Johan bagi Kategori Remaja bagi Perseorangan Lelaki B-12 ialah Ivan Bong Yi Shian; Perseorangan Perempuan B-12, Abby Lim Wei Qing; Perseorangan Lelaki B-15, Jai Dua; Perseorangan Perempuan B-15, Wong Yue Yee; Perseorangan Lelaki B-19, Joric Ho Hai Chien; Perseorangan Perempuan B-19, Chin Wui San; Beregu Lelaki B-19, Jai Dua dan Joric Ho Hai Chien; Beregu Perempuan B-19, Wong Yue Yee dan Vienna Kwong; dan Beregu Campuran B-19, Jai Dua dan Abby Lim Wei Qing.

Bagi Kategori Terbuka, johan bagi Perseorangan Lelaki, Pengiran Md. Sufian bin Pengiran Ibrahim; Beregu Lelaki, Samuel Raveles dan Dr. Ryan Naing Win; Perseorangan Wanita, Lee Soo Hui dan Beregu Terbuka, Pengiran Md. Sufian dan Awangku Md. Sufi.

Sementara itu, bagi Kategori Veteran, johan bagi Perseorangan Lelaki Veteran 40-49 Tahun (V40), Pengiran Md. Sufian; Perseorangan Lelaki Veteran 50-59 Tahun (V50), Samuel Raveles dan Perseorangan Lelaki Veteran 60 Tahun ke atas (V60), Sabtu bin Haji Yahya.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang kejohanan ialah Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Abdul Karim.



KEJOHANAN SKIM SUKAN PENCAK SILAT LABUH TIRAI



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

Berakas, di sini.

Manakala bagi Kategori Junior Female Class 'E' – Over 55kg to 59kg dimenangi oleh Dayang Nur Ameera Zahirah binti Md. Nazib dari Sekolah Sukan 'A' dan memenangi bagi Kategori Junior Male Class 'C' - Over 47kg to 51kg ialah Awang Md. Asyraf Syafiee Norazrin dari Sekolah Sukan 'A' dan akhir sekali, memenangi bagi Kategori Senior Male (3 x 3) ialah Skim Daerah Tutong 'A'.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan perlawanan akhir serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Sebanyak 11 pasukan turut menyertai kejohanan berkenaan, iaitu Skim Brunei Muara 'A', Skim Brunei Muara 'B', Skim Tutong 'A', Skim Tutong 'B', Daerah Temburong, Daerah Belait

'A', Daerah Belait 'B', Sekolah Sukan 'A', Sekolah Sukan 'B', COT JPKK Belait, dan COT JPKK Temburong.

Sebanyak empat kategori acara dipertandingkan pada kejohanan pencak silat kali ini termasuklah Kategori Pre-Junior Male Class 'E' - Over 42kg to 45kg, Kategori Junior Female Class 'E' - Over 55kg to 59kg dan Kategori Junior Male Class 'C' - Over 47kg to 51kg serta Kategori Senior Male (3 x 3).

Acara seumpama berkenaan turut diharap dapat melahirkan atlet muda baharu yang berbakat untuk menjadi atlet pelapis dan kebangsaan bagi persediaan kejohanan serantau dan antarabangsa pada masa akan datang khususnya Sukan Malaysia (SUKMA 2026) selain dijadikan sebagai platform untuk melahirkan atlet yang berprestasi tinggi untuk diberikan latihan secara bersistematik dan berterusan.

PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan perlawanan akhir serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

BERAKAS, Ahad, 7 Jun. - Kejohanan Skim Sukan Pencak Silat bagi Tahun 2026 telah dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) bermula pada 5 Jun

dan melabuhkan tirainya pada hari ini dengan menyaksikan Awang Md. Muazzam Dzulfiqar bin Md. Dzulkarnain dari Daerah Belait 'A' telah menjuarai bagi

Kategori Pre-Junior Male Class 'E' - Over 42kg to 45kg pada perlawanan akhir berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah,

MoU memperkukuh pembangunan bola sepak

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

SARAWAK, Ahad, 7 Jun. - Lawas Football Association (Lawas FA) dan Yakin Football League (YFL) membina platform penting dalam memperkukuhkan pembangunan bola sepak di kedua-dua belah pihak, khususnya di rantau Borneo.

Hubungan itu terus diperkukuhkan lagi melalui Memorandum Persefahaman Bersama (MoU) dan ia menjadi satu simbolik dan komitmen bersama untuk membina hubungan yang lebih erat dan berterusan yang akan memberi manfaat positif kedua belah pihak.

"Saya percaya kejayaan pembangunan bola sepak juga memerlukan peranan dan jaringan kerjasama yang kukuh antara organisasi, komuniti dan pihak berkepentingan," jelas Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang pada Majlis Menandatangani MoU antara YFL dan Lawas FA di

salah sebuah hotel di Lawas, Sarawak, Malaysia.

Melalui kerjasama itu, Lawas FA dan YFL merancang untuk menganjurkan kejohanan bola sepak secara bersama, sekali gus memberikan lebih banyak peluang pertandingan yang kompetitif kepada para pemain dan pasukan.

MoU itu juga membuka ruang kepada program pertukaran pemain-pemain berpotensi yang dapat membantu meningkatkan pendedahan, pengalaman serta perkembangan bakat pemain-pemain ke tahap yang lebih tinggi.

Pengerusi YFL itu berharap agar hubungan yang terjalin itu akan menjadi titik permulaan kepada pelbagai inisiatif yang mampu memberi impak positif kepada pembangunan pemain, jurulatih dan pengurusan sukan secara keseluruhannya.

YFL telah ditandatangani oleh Pengerusi YFL, Pengiran Zamri dan disaksikan oleh Ketua



MEMORANDUM Persefahaman Bersama telah ditandatangani oleh Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery sementara Lawas FA ditandatangani oleh Presiden Lawas FA, Awang Madun Nasip dan Naib Presiden Lawas FA, Haji Abd. Kadir bin Haji Bayan.

Pegawai Eksekutif YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery sementara Lawas FA telah ditandatangani oleh Presiden Lawas FA, Awang

Madun Nasip dan Naib Presiden Lawas FA, Haji Abd. Kadir bin Haji Bayan.

Sementara itu, majlis juga menyaksikan empat keluarga

yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan dari YFL yang serahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YFL, Dayang Hernah Nur Imani.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SAMA-SAMA KITA MEMAKMURKAN NEGARA BRUNEI SEBAGAI NEGARA MIB